

Jabatan Antropologi dan Sosiologi

No. Kelas: .....

No Perolehan: .....

Tarikh: .....

**KEBAJIKAN WARGATUA:  
SATU KAJIAN RUMAH-RUMAH ORANG  
TUA DI KUCHING, SARAWAK**

**FOO CHOON FEN**

**No. Matrik: 059340**

**Latihan Ilmiah  
Bagi Memenuhi Sebahagian  
Daripada Syarat-syarat Untuk  
Ijazah Sarjana Muda Sastera**

**Jabatan Antropologi dan Sosiologi,  
Universiti Malaya,  
59100 Kuala Lumpur**

**Sesi 1993/94**

## PENGHARGAAN

Sesuatu kejayaan adalah mustahil untuk dicapai tanpa bantuan daripada pelbagai pihak. Justeru itu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberi sokongan dan bantuan semasa kajian luar serta ketika penyiapan projek penyelidikan ini dijalankan.

Terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada penyelia saya Dr. Roziah Omar yang sudi memberi tunjuk ajar, cadangan serta galakan yang tidak terhingga dalam menjayakan projek penyelidikan ini. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada penyelia luar saya Dr. Tan Chee Beng yang juga turut memberi idea beliau tentang kajian saya ini.

Setinggi-tinggi penghargaan juga saya tujukan kepada Pegawai Pembangunan Masyarakat, Bahagian Kebajikan , Kementerian Pembangunan Sosial, Sarawak Cik Kandy Edward, Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat, Puan Chua Lee Kiew, Setiausaha dan kerani Hun Nam Siang Tng, Encik Sim dan Cik Wee serta kesemua kaki tangan yang terlibat dalam dua buah Rumah Orang Tua yang sudi memberi maklumat dan kerja sama sepenuhnya dalam menjayakan projek penyelidikan ini. Ucapan terima kasih juga kepada kesemua responden di kedua buah Rumah Orang Tua iaitu Rumah Seri Kenangan dan Rumah Orang Tua, Hun Nam Siang Tng.

Akhir sekali, penghargaan istimewa juga ditujukan kepada Encik Zamri Yahya selaku ahli Jawatankuasa bilik komputer, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, ibu bapa dan ahli keluarga serta kawan yang telah memberi, bantuan dorongan dan galakan yang tidak terhingga yang mana telah banyak membantu saya sehingga projek penyelidikan ini berjaya diadakan.

Sekali lagi, saya ucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang telah mengorbankan masa dan tenaga sehingga dapat selesainya projek penyelidikan ini.

Foo Choon Fen

Jabatan Antropologi dan Sosiologi,  
Universiti Malaya,  
Kuala Lumpur.

## SINOPSIS

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji wargatua dan Rumah-rumah Orang Tua di Kuching, Sarawak di mana dua buah Rumah Orang Tua telah dikaji iaitu Rumah Seri Kenangan di bawah kelolaan dan Rumah Orang Tua, Hun Nam Siang Tng di bawah pertubuhan sukarela telah dibuat satu perbandingan.

Bab I menghuraikan , pengenalan, objektif , bidang, kepentingan, metodologi kajian dan masalah-masalah yang dihadapi semasa kajian dijalankan serta cara menyelesaiannya.

Bab II pula membincangkan tentang istilah dalam disiplin gerontologi serta konsep-konsep penting dalam mengkaji wargatua dan Rumah Orang Tua. Contohnya konsep ketuaan, institusi kebijakan sosial dan sebagainya. Di samping itu, dasar kebijakan sosial ke atas wargatua serta perkhidmatan yang ada disediakan pada masa kini juga disentuh.

Bab III meneliti senerio wargatua dan Rumah Orang Tua di Kuching, Sarawak. Di samping itu, organisasi dan struktur pentaadbiran Rumah Orang Tua iaitu satu perbandingan antara Rumah Seri Kenangan dan Rumah Orang Tua, Hun Nam Siang Tng di Kuching, Sarawak akan dibuat. Antara aspek yang diperbandingkan ialah kedudukan dan latar belakang penubuhan, matlamat penubuhan, syarat-syarat kemasukan dan cara kemasukan wargatua, peraturan yang dikenakan ke atas penghuni, organisasi Rumah, jumlah penghuni, sumber kewangan dan jenis perkhidmatan yang disediakan oleh dua buah Rumah

tersebut. Selain daripada itu, masalah pentadbiran Rumah Orang Tua dan cara mengatasinya juga telah dikemukakan.

Bab IV mengemukakan identifikasi latar belakang sosio-ekonomi responden di dua buah Rumah Orang Tua tersebut serta aspek kehidupan responden. Dalam bab ini, diterangkan bagaimana ahli responden dipilih dan latar belakang para responden termasuk pelajaran, pekerjaan, hubungan kekeluargaan, faktor-faktor kemasukan ke dalam Rumah dan sebagainya. Di samping itu, adaptasi dan pandangan responden terhadap corak hidup dalam Rumah Orang Tua, sikap terhadap kehidupan lalu dan usia tua, masa depan juga turut ditumpukan perhatian. Aspek-aspek lain yang penting yang turut ditekankan adalah masalah yang dihadapi oleh responden dan cara-cara mengatasinya.

Bab V pula membincangkan kesimpulan yang telah dibuat oleh pengkaji dari hasil penyelidikan ini. Di samping itu, pengkaji juga telah memberi pendapat serta cadangan supaya isu berkenaan dengan wargatua dan Rumah Orang Tua seperti kebijakan wargatua harus diberi perhatian yang lebih pada masa kini dan akan datang.

## KANDUNGAN

### Muka Surat

|  |     |
|--|-----|
| <b>PENGHARGAAN</b>   | ii  |
| <b>SINOPSIS</b>  | iv  |
| <b>KANDUNGAN</b>   | vi  |
| <b>SENARAI JADUAL</b>  | xi  |
| <b>SENARAI RAJAH</b>   | xii |
| <b>BAB I : PENDAHULUAN</b>   |     |
| 1.1 Pengenalan   | 1   |
| 1.2 Objektif Kajian dan Bidang Kajian  | 5   |
| 1.3 Kepentingan Kajian   | 6   |
| 1.4 Kaedah Kajian  | 7   |
| 1.4.1 Pemerhatian dan Penyertaan   | 8   |
| 1.4.2 Penyelidikan Perpustakaan  | 9   |
| 1.4.3 Temuduga Berdasarkan Soalselidik   | 9   |
| 1.4.4 Kajian Awal  | 10  |
| 1.4.5 Temuduga tanpa soalselidik   | 11  |
| 1.5 Rangka Persampelan   | 11  |
| 1.6 Masalah yang dihadapi semasa menjalankan kajian<br>dan bagaimana ia diatasi. | 11  |
| 1.6.1 Penyelidikan Perpustakaan  | 12  |
| 1.6.2 Kajian Awal  | 12  |
| 1.6.3 Soalselidik  | 13  |
| 1.6.4 Masalah-masalah lain   | 14  |

## **BAB II : KONSEP-KONSEP ASAS DALAM PENGKAJIAN WARGATUA DAN RUMAH ORANG TUA**

|       |   |    |
|-------|---|----|
| 2.1   | Istilah-istilah dalam disiplin Gerontologi                          | 17 |
| 2.2   | Konsep ketuaan atau keumuran  | 18 |
| 2.3   | Konsep wargatua atau golongan berusia                               | 19 |
| 2.4   | Konsep Institusi Kebajikan Sosial                                   | 21 |
| 2.4.1 | Rumah Orang Tua sebagai Institusi Kebajikan Sosial                  | 23 |
| 2.5   | Kebajikan sosial  | 24 |
| 2.6   | Dasar Kebajikan Sosial ke atas wargatua                             | 25 |
| 2.6.1 | Perkhidmatan yang sedia ada   | 27 |
|       | a. Perkhidmatan Kebajikan Masyarakat                                | 27 |
|       | i. Perkhidmatan Luar  | 27 |
|       | ii. Membina atau membaiki rumah bagi wargatua                       | 28 |
|       | iii. Perkhidmatan Institusi   | 28 |
|       | b. Perkhidmatan yang diberi oleh Persatuan atau pertubuhan sukarela | 29 |
|       | c. Perkhidmatan Sosial Jabatan Imigresen                            | 29 |
|       | d. Perkhidmatan Perubatan Hospital Besar, Kuala Lumpur              | 29 |
|       | e. Perkhidmatan Sosial MAS dan KTM                                  | 29 |
| 2.7   | Cadangan Dasar untuk wargatua                                       | 30 |
|       | i. Pekerjaan  | 30 |
|       | ii. Kekeluargaan  | 30 |
|       | iii. Kesihatan  | 31 |
|       | iv. Pendidikan  | 31 |
|       | v. Kajian   | 32 |
|       | vi. Kerja sosial  | 32 |

**BAB III ORGANISASI DAN STRUKTUR PENTADBIRAN RUMAH-RUMAH ORANG TUA: SATU PERBANDINGAN ANTARA RUMAH SERI KENANGAN DAN RUMAH ORANG TUA, HUN NAM SIANG TNG DI KUCHING SARAWAK**

|   |    |
|---|----|
| 3.1 Senerio wargatua dan Rumah Orang Tua di Kuching, Sarawak  | 35 |
| 3.2 Perbandingan antara Rumah Seri Kenangan dan Rumah Orang Tua, Hun Nam Siang Tng di Kuching,Sarawak | 39 |
| 3.2.1 Kedudukan dan latar belakang penubuhan  | 39 |
| 3.2.2 Matlamat penubuhan  | 41 |
| 3.2.3 Syarat-syarat kemasukan dan cara kemasukan  | 41 |
| 3.2.4 Peraturan yang dikenakan dan perbuatan yang tidak harus dibuat                                  | 43 |
| 3.2.5 Carta Organisasi Rumah Seri Kenangan  | 44 |
| 3.2.6 Carta Organisasi Rumah Orang Tua, Hun Nam Siang Tng   | 47 |
| 3.2.7 Jumlah Penghuni   | 48 |
| 3.2.8 Sumber kewangan   | 49 |
| 3.2.9 Jenis perkhidmatan yang disediakan oleh Rumah Seri Kenangan                                     | 50 |
| i. Jagaan dan perlindungan  | 51 |
| ii. Perkhidmatan kaunseling dan bimbingan   | 52 |
| iii. Cara pulih kerja   | 52 |
| iv. Kemudahan Beribadat   | 53 |
| v. Riadah   | 54 |
| vi. Kemudahan Kesihatan   | 55 |

|  |    |
|--|----|
| 3.3.0 Perkhidmatan yang disediakan oleh Rumah<br>Orang Tua Hun Nam Siang Tng | 55 |
| 3.3.1 Keluaran   | 58 |
| 3.3.2 Masalah-masalah pentadbiran Rumah dan cara<br>mengatasinya             | 58 |
| 3.3.3 Rumusan  | 60 |

**BAB IV IDENTIFIKASI LATAR BELAKANG SOSIO-EKONOMI RESPONDEN DI RUMAH SERI KENANGAN DAN RUMAH ORANG TUA, HUN NAM SIANG TNG SERTA PELBAGAI PERSPEKTIF KEHIDUPAN RESPONDEN**

|   |    |
|---|----|
| 4.1 Jumlah penghuni   | 62 |
| 4.2 Jumlah responden  | 64 |
| 4.3 Kategori umur responden   | 65 |
| 4.4 Pelajaran   | 67 |
| 4.5 Jangka masa pengingapan responden-responden                                     | 69 |
| 4.6 Taraf perkahwinan responden-responden   | 70 |
| 4.7 Jenis pekerjaan responden-responden   | 71 |
| 4.8 Kategori gaji bulanan responden-responden                                       | 73 |
| 4.9 Sebab-sebab berhenti daripada pekerjaan   | 74 |
| 4.10 Simpanan kewangan responden-responden  | 75 |
| 4.11 Aspek kesihatan responden-responden  | 75 |
| 4.12 Jenis aktiviti responden dalam Rumah   | 78 |
| 4.13 Hubungan kekeluargaan responden-responden                                      | 79 |
| 4.14 Faktor-faktor kemasukan responden-responden                                    | 82 |
| 4.15 Adaptasi dan pandangan responden terhadap corak<br>hidup dalam Rumah Orang Tua | 88 |
| 4.16 Sikap terhadap kehidupan lalu  | 91 |

|  |            |
|--|------------|
| 4.18 Sikap terhadap masa depan di kalangan responden | 93         |
| 4.19 Masalah-masalah responden dan cara mengatasinya | 94         |
| 4.20 Rumusan   | 98         |
| <b>BAB V : KESIMPULAN</b>                            | <b>100</b> |
| Nota kaki  |            |
| Bibliografi  |            |
| Lampiran-lampiran                                    |            |

## **SENARAI JADUAL**

### **Muka surat**

|      |  |    |
|------|--|----|
| 1.1  | Anggaran bilangan dan peratusan penduduk wargatua (lebih 55 tahun) di Malaysia(1980, 1990 dan 2000)          | 3  |
| 3.1  | Taburan penduduk tua mengikut kumpulan umur dan jantina di Kuching, Sarawak                                  | 35 |
| 3.2  | Taburan penduduk mengikut kumpulan umur Sarawak  | 36 |
| 3.3  | Aktiviti-aktiviti Harian Rumah Seri Kenangan   | 54 |
| 4.1  | Bilangan penghuni di Rumah Seri Kenangan dan Rumah Orang Tua, Hun Nam Siang Tng mengikut bangsa dan jantina  | 62 |
| 4.2  | Bilangan responden di Rumah Seri Kenangan dan Rumah Orang Tua, Hun Nam Siang Tng mengikut bangsa dan jangina | 64 |
| 4.3  | Kategori umur responden di Rumah Seri Kenangan dan Rumah Orang Tua, Hun Nam Siang Tng                        | 65 |
| 4.4  | Peringkat pelajaran responden-responden  | 68 |
| 4.5  | Jangka masa penginapan responden   | 69 |
| 4.6  | Taraf perkahwinan responden-responden  | 70 |
| 4.7  | Jenis pekerjaan responden-responden  | 72 |
| 4.8  | Kategori gaji bulanan responden-responden  | 73 |
| 4.9  | Jenis-jenis penyakit responden-responden   | 78 |
| 4.10 | Aktiviti responden dalam Rumah   | 78 |
| 4.11 | Hubungan kekeluargaan responden-responden  | 81 |
| 4.12 | Faktor-faktor kemasukan responden-responden  | 83 |

## **SENARAI RAJAH**

### **Muka surat**

|     |   |    |
|-----|---|----|
| 3.1 | Cara Kemasukan bagi Rumah Seri Kenangan                     | 42 |
| 3.2 | Cara kemasukan bagi Rumah Orang Tua, Hun<br>Nam Siang Tng   | 43 |
| 3.3 | Carta organisasi Rumah Seri Kenangan                        | 44 |
| 3.4 | Carta organisasi bagi Rumah Orang Tua, Hun<br>Nam Siang Tng | 47 |

## **BAB I**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Peringkat terakhir bagi hidup seseorang manusia adalah usia tua dan proses ketuaan pula memang tidak dapat dielakkan walaupun tidak semua orang dapat memilikinya. Dengan kata lain, ia harus dihadapi oleh setiap individu dan dianggap sebagai sesuatu yang normal dan semula jadi. Dahulu, jumlah wargatua hanya menyumbang kepada sebilangan kecil daripada populasi negara tetapi kini jumlah wargatua semakin bertambah dan masalah yang dibawanya juga semakin serius daripada sebelumnya.

Perhatian dunia mula ditumpukan terhadap satu fenomena demografi masa kini iaitu pertambahan dalam jumlah wargatua. Keadaan menjadi ketara terutama sekali di negara maju kerana kemewahan dan kemudahan kesihatan yang baik mengakibatkan jangka hayat manusia menjadi lebih lama daripada era sebelumnya. Pada masa yang sama juga berlaku penurunan dari segi kadar kesuburan dan juga pertambahan jangka hayat di waktu lahir dan selepas umur 60 atau 65 tahun yang diimbangi dengan kadar kematian yang rendah juga merupakan faktor serentak akan proses ketuaan berlaku dengan lebih cepat.

Isu ketuaan atau keumuran penduduk adalah satu fenomena yang pasti akan dihadapi oleh semua negara. Perbezaannya ialah jangka masa untuk proses keumuran berlaku. Ia

bukan sahaja dialami oleh negara maju juga oleh negara-negara Asia dan Asean yang sedang membangun. Suasana serupa juga terdapat di Malaysia. Walaupun ekonominya masih dalam proses pembangunan tetapi dengan adanya perkembangan yang begitu pesat dari segi sosio-ekonomi, jumlah wargatua akan terus meningkat bahkan ia akan merupakan satu sektor penduduk negara yang paling cepat bertambah. Keadaan ini memerlukan kita memahami proses keumuran dan seterusnya memberikan perhatian lebih terhadap cara memberi layanan dan jagaan serta kebajikan kepada wargatua kita, sama ada yang tinggal bersama keluarga ataupun yang menetap di rumah-rumah amal.

Seorang ahli fisiologi dari Universiti Texas (Pusat Kesihatan Sains) di San Francisco, Dr. Edward Masaro, 67 mengatakan bahawa " apabila kita dapat memahami mekanisme untuk mengawal proses ketuaan, kita mungkin dapat memanjangkan jangka hayat hingga seratus peratus dimana ia dapat memberi kita tambahan 100-120 tahun." (Barrach, Boad:1992:33). Kenyataan ini telah memberikan kita satu petanda bahawa jumlah wargatua akan terus meningkat sehingga mencapai satu tahap yang amat menakjubkan.

Di Malaysia, pada tahun 1980 seramai 759,000 atau 5.4% penduduk negara adalah terdiri daripada wargatua. Sepuluh tahun kemudian, iaitu pada tahun 1990, jumlah ini meningkat kepada 1037,600 atau 5.8%. Jumlah ini akan terus meningkat kepada 1529,800 atau 6.8% menjelang tahun 2000. Ini dapat dijelaskan dalam jadual 1.1.

Jadual 1.1 : Anggaran bilangan dan Peratusan Penduduk Wargatua (lebih 55 tahun) di Malaysia (1980, 1990 dan 2000)

| Tahun | Bilangan<br>(000') | Peratus<br>(%) |
|-------|--------------------|----------------|
| 1980  | 759,000            | 5.4            |
| 1990  | 1037,600           | 5.8            |
| 2000  | 1529,800           | 6.8            |

Sumber: Jabatan Perangkaan Negara, 1992

Ketuaan bukan sahaja merupakan masalah individu lebih-lebih lagi masalah komuniti. Di waktu pertambahan jumlah wargatua yang semakin meningkat, proses perkembangan ini telah membawa perubahan dari segi cara hidup. Industrisasi dan urbanisasi telah membawa kepada kemerosotan dari segi struktur keluarga iaitu dari keluarga luas kepada keluarga nuklear, struktur kehidupan dan fungsi. Semakin ramai daripada wargatua yang diabaikan dan hidup bersendirian ataupun menghabiskan sisa-sisa hidup di rumah perlindungan ataupun rumah amal yang sering dikenali sebagai Rumah Orang Tua(ROT).

Menurut Rancangan Malaysia Keenam (1991-1995), kerajaan Malaysia akan membelanjakan \$7.5 ribu juta untuk memperbaharui dan kontraksi sebanyak 294 buah Rumah Orang Tua di seluruh negara.<sup>1</sup> Bilangan Rumah Orang Tua yang banyak ini jelas

menunjukkan fungsinya untuk menampung wargatua yang semakin meningkat. Wargatua tidak lagi dianggap sebagai khazanah masyarakat malahan membawa beban kepada mereka kerana mereka sering dilihat sebagai satu golongan yang mampu mengguna dan tidak mampu mengeluar.

Memandangkan kepentingan kita untuk mengambil berat akan hal ini dan bagi mengingati wargatua yang kebanyakannya bersara semasa berumur 55 tahun tetapi pada dasarnya tenaga dan fikiran mereka masih berguna kepada pembangunan negara, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dengan pertama kalinya iaitu pada 1hb Oktober 1992 mengisytiharkan hari tersebut sebagai "Hari Wargatua" dengan tema utamanya "Wargatua Teras Masyarakat".<sup>2</sup> Ini sejajar dengan peningkatan jumlah wargatua di negara ini yang juga untuk mengenang dan menghargai jasa golongan ini.

Malaysia serta negara-negara lain telah meraikan Hari Wargatua selaras dengan matlamat kerajaan mewujudkan sebuah masyarakat penyayang dan berbudaya dengan sepenuhnya. Perhatian ke atas wargatua dan sempena pelancaran Hari Wargatua ini menanyakan kita persoalan bahawa adakah kebajikan wargatua telah diabaikan sebelum ini dan pembinaan Rumah Orang Tua hanyalah berfungsi untuk memenuhi syarat sebagai institusi kebajikan sosial dan bagaimana keadaan mereka di dalam Rumah Orang Tua? Kesemua persoalan ini akan dikaji nanti dengan membuat penelitian ke atas dua buah Rumah Orang Tua iaitu Rumah Seri Kenangan(RSK) di bawah urusan Kerajaan Sarawak dan Rumah

Orang Tua, Hun Nam Siang Tng (ROT, HNST) di bawah pertubuhan sukarela di Kuching, Sarawak.

## **1.2 Objektif Kajian dan Bidang Kajian**

Objektif kajian ini adalah untuk membincangkan konsep-konsep asas berkenaan dengan wargatua dan Rumah Orang Tua. Selain daripada itu, organisasi serta struktur pentadbiran dua buah Rumah Orang Tua di Kuching akan ditinjau dan satu perbandingan antaranya akan dibuat. Di samping itu, perkara yang turut diteliti adalah termasuk latar belakang sosio-ekonomi penghuni Rumah Orang Tua dan pelbagai perspektif hidup seperti adaptasi penghuni terhadap keadaan dalam Rumah Orang Tua, sikap terhadap kehidupan lalu, kini dan masa depan. Perbincangan seterusnya mencakupi masalah yang dihadapi oleh penghuni dan pihak pentadbir dan cara untuk mengatasinya juga turut dikemukakan. Penganalisisan akan dibuat untuk menilai sama ada Rumah Orang Tua sebagai institusi kebajikan sosial dapat memenuhi peranannya dalam menjaga kebajikan wargatua. Sejauhmana ia dapat menggantikan keluarga sebagai tempat perlindungan wargatua. Dasar-dasar dan cadangan dasar yang diadakan kepada wargatua secara keseluruhannya juga turut diuraikan.

Dari segi bidang kajian pula, seramai 40 responden daripada seramai 68 orang penghuni di Rumah Seri Kenangan dan 25 daripada 43 penghuni di Hun Nam Siang Tng telah dikaji. Mereka yang terpilih adalah terdiri daripada golongan yang masih sihat iaitu

mempunyai keupayaan mental dan fizikal yang baik, berupaya untuk menguruskan diri, bertutur dengan lancar dan pergerakan masih memuaskan. Responden di Rumah Seri Kenangan adalah terdiri daripada pelbagai etnik manakala responden di Rumah Orang Tua, Hun Nam Siang Tng hanya terdiri daripada kaum Cina sahaja.

### **1.3 Kepentingan Kajian**

Kepentingan kajian ini adalah untuk memenuhi kekurangan dalam topik mengenai wargatua dan Rumah Orang Tua. Dalam konteks masyarakat tempatan, kajian ini begitu kurang diselidiki. Pada masa ini, data berhubung dengan wargatua masih kurang dan tidak mewakilli semua dimensi. Malahan maklumat tentang perlaksanaan dan keberkesanan program-program wargatua juga tidak ada. Oleh itu, perlu diwujudkan pangkalan data mengenai semua angkubah sehubung dengan wargatua di samping penilaian keberkesanan program, projek, perkhidmatan dan kemudahan bagi mereka. Ia tidak boleh diabaikan dan semakin penting dalam masyarakat sedang membangun seperti Malaysia kerana bilangan wargatua yang semakin meningkat.

Kajian ini juga penting kerana dapat mempertingkatkan pemahaman tentang struktur pentadbiran Rumah Orang Tua dan kedudukan sosio-ekonomi penghuni di dalamnya dan bagaimana segala ini mempengaruhi corak hidup, kehendak, keperluan, dinamisme serta masalah wargatua masa kini. Justeru itu, ia dapat mempertingkatkan mutu jagaan ke atas wargatua sempena dengan

salah satu daripada hasrat Wawasan 2020 iaitu untuk mewujudkan satu masyarakat penyayang. Tambahan pula, kesayangan terhadap wargatua memang menjadi budaya orang Asia seperti di Malaysia dimana wargatua sememangnya harus dihormati kerana mereka yang sering dianggap oleh masyarakat selama ini sebagai khazanah masyarakat atau aset penting negara.

Faktor-faktor kemasukan wargatua ke dalam institusi Rumah Orang Tua boleh juga digunakan sebagai punca meneliti persoalan mengapa adanya sebahagian wargatua yang tinggal di dalam Rumah Orang Tua. Pertambahan dalam bilangan Rumah Orang Tua dan jumlah wargatua boleh diselesaikan dengan cara-cara tertentu agar ia tidak menjadi gejala sosial yang akan menggugat pembangunan masyarakat dan negara.

#### **1.4 Kaedah Kajian**

Kajian ini adalah berdasarkan penyelidikan maklumat-maklumat sekunder dan kerja lapangan. Pengumpulan maklumat dan data telah berlangsung dari bulan April hingga Jun. Pelbagai maklumat dan data yang relevan telah dikumpul dalam jangka masa tersebut. Berikut adalah beberapa metodologi yang digunakan untuk tujuan kajian:

#### **1.4.1 Pemerhatian dan Penyertaan**

Pemerhatian dan penyertaan adalah metodologi utama dalam kajian ini. Corak kehidupan responden dalam Rumah Orang Tua telah dapat diperhatikan dengan terperinci. Melalui cara pemerhatian sendiri, pengkaji juga melibatkan diri secara langsung dalam aktiviti yang diadakan untuk responden. Melalui perbualan dan pergaulan yang tidak formal ini, maklumat yang berkaitan dengan kajian ini didapati secara tidak langsung.

Dengan menyertai aktiviti bersama responden secara kerap, para responden menganggap pengkaji adalah kawan biasa dengan tujuan untuk mempelajari sesuatu. Satu kelebihan lagi ialah terdapat informan utama dan juga responden yang dikenali oleh pengkaji. Maka, melalui mereka, para responden tidak menaruh perasaan pra wasangka terhadap pengkaji. Mereka telah memberi kerjasama sepenuhnya kepada pengkaji dengan berbual-bual secara tidak langsung akan latar belakang serta corak hidup mereka dalam Rumah Orang Tua. Ini menyebabkan responden tidak sedar bahawa mereka sedang dikaji dan oleh itu dapat melakukan segala aktiviti seperti sedia kala.

Pendekatan yang bersifat antropologikal ini adalah sesuai untuk kajian ini khususnya untuk pengumpulan data dan maklumat yang tepat dan jelas. Misalnya semakan semula (cross-checking) diadakan untuk mengesahkan jawapan dari responden. Didapati cerita yang didengar secara berulang kali adalah sama sahaja. Boleh

dikatakan pendekatan pemerhatian adalah penting untuk kajian ini. Namun begitu, untuk memastikan data yang lebih konkret, pelbagai kaedah sampingan khususnya kaedah sosiologi telah digunakan.

#### **1.4.2 Penyelidikan Perpustakaan**

Penyelidikan perpustakaan adalah amat perlu selain daripada penggunaan soal selidik untuk mendapatkan buku-buku, jurnal-jurnal, rencana-rencana, majalah-majalah serta latihan ilmiah. Sumber sekunder ini diperoleh untuk kajian penyelidikan yang lebih bersifat ilmiah seperti membimbing pengkaji dalam menggariskan skop dan bidang kajian. Ia juga dapat mengelakkan pengulangan kesilapan yang pernah dilakukan sebelumnya serta membantu pengkaji dalam pembentukan soal selidik.

#### **1.4.3 Temuduga berdasarkan Soal selidik**

Suatu set soal selidik yang berbentuk ‘*open-ended*’ dan ‘*close-ended*’ telah dibuat untuk menyenangkan temuduga diadakan.<sup>3</sup> Dari temuduga jenis inilah, pelbagai maklumat bersifat kuantiti dan kualiti telah dapat diperolehi. Walaupun temuduga berdasarkan soal selidik lebih sistematik dan tersusun tetapi jenis soalan yang amat kaku mendorong pengkaji sering berasa atau terpaksa menurut senarai soalan yang ada.

Tiada borang soal selidik yang diisi oleh responden-responden kerana majoriti daripada responden tidak pernah

bersekolah, yang ada bersekolah cumalah sampai sekolah rendah sahaja dan bilangan yang kecil sahaja yang mampu belajar sampai ke sekolah menengah. Hal ini menyebabkan kesemua responden terpilih ditemuduga oleh pengkaji sendiri.

Melalui temuuduga ini, maklumat tentang latar belakang responden telah diperolehi dengan lebih jelas namun temuduga yang berlangsung selama beberapa minit adalah tidak memadai untuk mendapat maklumat yang relevan. Ia hanya berperanan untuk menjadi pelengkap kepada pendekatan pemerhatian dan penyertaan yang mana dapat memperhatikan secara terperinci setiap aktiviti yang disertai bersama.

#### **1.4.4 Kajian Awal**

Sebelum menjalankan sebarang kerja luar, suatu kajian awal terpaksa dilancarkan dahulu. Pegawai terlebih dahulu untuk mendapat kebenaran mengadakan kajian dan mendapat maklumat mengenai responden-responden. Seramai beberapa orang responden telah ditemui dan ditemubual untuk meneliti keadaan sebenarnya iaitu sama ada mereka masih mampu memberi maklumat yang tepat. Menerusi kajian ini, kaedah pemilihan sampel dapat ditentukan.

#### **1.4.5 Temuduga tanpa Soal selidik**

Informan utama telah ditemui untuk mendapatkan data dan maklumat seperti kakitangan organisasi termasuk tukang masak, matron, pembantu am dan sebagainya. Mereka telah dapat maklumat khususnya tentang latar belakang responden dan sikap seseorang responden. Melalui perbualan langsung dengan responden yang dikenali dapat memberi secara tidak langsung dengan lebih bebas dan senang.

#### **1.5 Rangka Persampelan**

Rangka persampelan adalah satu senarai nama responden terpilih untuk sesuatu kajian. Nama-nama responden diperolehi menerusi informan utama seperti pembantu am dan juga responden yang dikenali. Kajian ini terdiri daripada 65 orang responden yang mana bukan semua nama dan butir-butir responden disenaraikan pada masa yang sama. Yakni maklumat mengenai responden-responden dikumpul secara beransur-ansur dan bukan secara sekaligus. Pengkaji hanya memilih mereka yang mampu bercakap dan berfikiran waras.

#### **1.6 Masalah yang dihadapi semasa menjalankan kajian dan bagaimana ia diatasi**

Kajian sekunder dan luar adalah penting untuk sesuatu penyelidikan. Ketika penyelidikan ini berlangsung, pelbagai masalah

telah dihadapi oleh pengkaji. Berikut adalah beberapa masalah yang dihadapi semasa membuat kajian serta cara untuk mengatasinya.

### **1.6.1 Penyelidikan Perpustakaan**

Masalah bermula ketika penyelidikan perpustakaan lagi. Ini adalah kerana kekurangan buku rujukan seperti latihan ilmiah, jurnal, buku yang relevan. Ini adalah kerana kebanyakan kajian tentang topik ini adalah dilakukan oleh pengkaji barat. Tambahan pula, ia hanya popular sejak tiga dekad yang lalu. Justeru itu, tidak dapat dinafikan bahawa hanya segelintir saja sarjana tempatan yang menaruh minat akan kajian ini. Kekurangan bahan rujukan tempatan telah digantikan dengan hasil kajian dari luar negeri iaitu dari Amerika sahaja dan negara-negara Eropah. Majalah-majalah, suratkhabar, buku-buku berkenaan dengan wargatua telah diperolehi secara sendiri di pasaran untuk menambahkan maklumat.

### **1.6.2 Kajian Awal**

Disebabkan masa yang diperuntukkan adalah singkat untuk kajian ini, maka pengkaji hanya mampu bertemu dengan beberapa orang responden sahaja. Responden yang dikenali tidak menjadi masalah. Masalah hanya timbul bila berdepan dengan responden yang tidak dikenali langsung. Pertanyaan secara mendadak membuat mereka merasa ragu-ragu untuk menjawap. Ini diatasi dengan meminta bantuan daripada informan utama.

Selain daripada itu, temujanji dilakukan oleh pengkaji dengan pegawai pentadbir tertentu seperti Pegawai Kanan Kementerian Kebajikan Masyarakat untuk mendapatkan kebenaran mengadakan kajian di Rumah Orang Tua. Ini tidak menjadi masalah kerana mereka telah biasa dengan hal ini. Masalah yang timbul ialah masa temujanji dengan pegawai amat terhad kerana mereka sibuk dengan urusan pentadbiran. Untuk mengatasi masalah ini, pengkaji terpaksa membuat temujanji dengan mereka untuk beberapa kali bagi mendapatkan maklumat dan data yang relevan.

### **1.6.3 Soal selidik**

Setelah diketahui majoriti dari responden tidak fasih dalam Bahasa Malaysia atau langsung tidak mengenal huruf, maka penggunaan dialek diamalkan dalam menemuduga responden. Pengkaji menghadapi masalah komunikasi bila mendapati ada bangsa lain yang tidak fasih dalam Bahasa Malaysia. Justeru itu, seorang penterjemah iaitu salah satu daripada pegawai telah dijemput untuk menterjemahkan contohnya bahasa Iban kepada Bahasa Malaysia. Akibatnya, gambaran sebenar yang dikehendaki menjadi kurang jelas.

Kadang kala, masa untuk menemuduga seorang responden juga menjadi masalah. Ini adalah kerana ada responden yang sibuk dengan aktiviti mereka. Maka kebanyakan temuduga dibuat selepas sarapan yakni sebelum menjalankan kerja dan selepas makan tengah hari.

#### **1.6.4 Masalah-masalah lain**

Masalah juga timbul apabila seorang responden ditemuduga secara mendadak. Masalah syak wasangka timbul di kalangan responden. Ini mengakibatkan mereka asyik menyembunyikan sesuatu yang tidak baik atau asyik bercerita akan hal yang paling diingati dan disukai sahaja. Justeru itu, maklumat yang menyeluruh tidak diperolehi dengan memperkenalkan diri dan mendekati mereka secara perlahan-lahan dan pengkaji menerangkan tujuan kajian sebenar untuk beberapa kali.

Ada responden yang enggan memberitahu latar belakang mereka kerana dikatakan peristiwa yang sudah berlalu tidak perlu diceritakan lagi yang mana akan menimbulkan kembali rasa sedih mereka. Namun setelah dipujuk untuk beberapa lama dan ‘probe’ secara perlahan-lahan, ada di antara responden yang memberi kerjasama pada akhirnya tanpa paksaan. Bagi mereka yang betul-betul tidak sudi untuk memberitahu, pengkaji tidak memaksa mereka berbuat demikian. Apatah lagi jawapan yang diberikan sering bersifat ‘ya’, ‘tidak’, ‘tidak tahu’ tanpa memberi penjelasan.

Ada juga responden yang sudi memberi kerja sama kerana menyangkakan pengkaji adalah pegawai dari Kementerian Pembangunan Sosial kerana perspektif yang ditanya adalah berkenaan dengan kebijakan sosio-ekonomi dalam Rumah Orang Tua. Selain daripada itu, sepanjang penyelidikan ini diadakan, ada beberapa orang responden yang suka mengumpat dan melatah

kerana ada perselisihan faham antara penghuni. Namun begitu, sebagai seorang pengkaji, hanya bertindak sebagai orang tengah yang cuba menyelesaikan masalah mereka dengan memberi nasihat agar kesejahteraan hidup penghuni di dalam Rumah Orang Tua terjamin.

Masalah pengangkutan juga timbul di mana tempat kajian khususnya Rumah Orang Tua, Hun Nam Siang Tng jauh dari tempat tinggal iaitu kira-kira 28km dari tempat tinggal pengkaji. Pengkaji terpaksa menaiki bas sebanyak dua kali untuk sampai ke tapak kajian. Ini melibatkan kos yang tinggi dan memakan masa yang panjang.

Pada keseluruhannya, kajian ini walaupun menghadapi masalah pada peringkat awal, namun ia dapat diatasi secara beransur-ansur. Ada responden yang dikenali oleh pengkaji dan perasaan syak wasangka di kalangan responden yang tidak dikenali langsung terhindar bila didapati pengkaji hanyalah seorang pelajar yang melakukan penyelidikan untuk pendidikan. Apabila pengkaji meyakinkan responden bahawa identiti dan nama mereka dirahsiakan, responden lebih selesa dan lega ketika menjawab soalan.

Tambahan pula, semua responden adalah merupakan penghuni di bawah lindungan organisasi, jadi hak dan keselamatan mereka sentiasa terjamin. Walaupun masa untuk menemujanji pegawai-pegawai di badan atau kementerian adalah singkat, namun

kerjasama sepenuhnya dapat diperolehi sama ada oleh kakitangan Rumah atau pegawai-pegawai kementerian kerana mereka telah biasa terdedah dengan jenis penyelidikan ini.

## BAB II

### KONSEP-KONSEP ASAS DALAM PENGKAJIAN WARGATUA DAN RUMAH ORANG TUA

#### 2.1 Istilah-istilah dalam disiplin Gerontologi

Kajian tentang ketuaan atau keumuran dan wargatua serta Rumah Orang Tua telah memerlukan terbentuknya nahu yang baru dan khusus. Ia perlu didefinisikan dengan jelas supaya dapat digunakan secara konsisten.

Istilah utama adalah ‘gerontologi’. Perkataan ini datang daripada Perkataan Greek ‘*Geras*’ bermakna ‘*usia tua*’ dan ‘*logos*’ iaitu ‘*pembelajaran atau deskripsi tentang sesuatu*.’ Jadi, gerontologi adalah kajian atau pembelajaran tentang usia tua (Richard C. Crandall:1991). Istilah yang luas dan dilengkapi dengan kajian tentang ketuaan dan wargatua dari pelbagai perspektif termasuk bidang psikologi, ekonomi, sosial, fisiologi dan sebagainya.

‘Gerontologi Sosial’ juga merupakan satu istilah utama dalam bidang gerontologi di mana ia adalah satu sub bidang gerontologi. Ia pertama digunakan oleh E.J Steghtz (1943) dan diperluaskan penggunaan oleh Clarke Tibbits. Ia adalah berkenaan dengan hubungan timbal balik antara masyarakat dan individu iaitu bagaimana individu membentuk masyarakat melalui tingkah laku dan bagaimana masyarakat mempengaruhi individu (Lihat Crandall, R.C.:1991).

Gerontologi adalah berminat dalam menguraikan sifat fizikal, sosial dan psikologi bagi jangka masa hidup ini. Mereka juga berminat dalam melihat bagaimana perubahan dalam masyarakat menghasilkan hidup baru atau kemunculan perubahan dalam jangka waktu hidup. Perkembangan bagi gerontologi dan gerontologi sosial menghasilkan satu perspektif teoritikal baru sebaik-baiknya teknik kajian dimana masing-masing akan mempengaruhi dan terus mempengaruhi disiplin tradisional sains sosial.

## 2.2 Konsep Ketuaan atau Keumuran

Konsep ketuaan atau keumuran merujuk kepada proses menjadi tua.<sup>4</sup> "Aging refers to the process of growing older."(Crandall, R.C:1991). Ketuaan dari segi perspektif sosiologi adalah satu proses yang merangkumi interaksi "*between the personal system (the individual), various social systems that influence the behaviour of the aging individual, and changing social, economic and physical environments*". (Mc Pherson; 1983). Menurut Schweitzer (1983):

*"People are defined as old according to the functions they perform, the roles they play, and the community and finally positions they hold, rather than by the arbitrary and formal marker of chronological age."* (McPherson: 1983)

Secara teknikal, semua manusia akan mengalami ketuaan dari detik konsepsi. Pada umumnya, individu adalah dianggap mengalami jangka masa pertumbuhan daripada 25-30 tahun yang pertama dalam hidupnya. Dalam umur tersebut, satu jangka masa

kemerosotan atau ketuaan akan mula muncul . Pada masa inilah, kebanyakan perubahan fizikal yang kita alami membuat kita kurang berupaya bila berdepan dengan hidup. Disebabkan pengaruh daripada proses ketuaan adalah kurang diketahui secara pantas, individu tidak didefinisikan secara sosial sebagai mengalami ketuaan sehingga proses ketuaan menghasilkan pengaruh yang diketahui seperti rambut yang beruban, muka yang berkedut-kedut, memerlukan '*bifocals*' dan sebagainya.(Kastenbaum:1984).

Peralihan dari umur pertengahan kepada umur tua adalah satu jangka masa perubahan biologi dan sosiologi secara kritikal. Kemerosotan fizikal bukan sahaja memisahkan aktiviti yang biasanya dilakukan. Ia juga menandakan seseorang individu telah mendekati kematian. Satu siri perubahan dalam peranan sosial akan membinaaskan kepercayaan seseorang tentang siapakah dia dan di mana ia dipunyai dalam dunia ini. Perubahan ini akan menyebabkan dia merasa terasing dan sunyi. Walau bagaimanapun, wargatua adalah sama seperti masa muda, kerana tidak ada satu jenis wargatua yang umum dan semuannya harus dilayan sebagai individu.

### **2.3 Konsep Wargatua atau Golongan Berusia**

Konsep wargatua atau golongan berusia adalah sukar untuk diberi satu definisi yang tepat. Seseorang yang berumur 10 tahun sering menggunakan untuk merujuk kepada orang yang berumur lebih 25 tahun. Seseorang yang berumur 65 tahun pula

yang mempunyai kesihatan yang baik akan menggunakan konsep ini bagi mereka yang berumur 75 tahun. Ada yang mendefinisikan seseorang yang berumur 10 hingga 15 tahun lebih tua darinya sebagai orang tua, tua atau lebih tua. Masalah untuk memberi definisi siapakah wargatua menyebabkan para pengkaji gunakan kriteria yang berlainan untuk mengklasifikasikan individu.

Ada yang menggunakan umur kronologi walaupun umur spesifik adalah berbeza. Ada yang bergantung kepada sifat sosial seperti persaraan. Pengkaji lain mungkin berdasarkan kepada fungsi fizikal atau kombinasi sifat sosial, fizikal atau psikologi. Pelbagai istilah digunakan untuk wargatua seperti '*senior citizen*', '*elderly*', '*mature adults*' dan sebagainya.

Mengikut Pertubuhan Kesihatan Sedunia(WHO), mereka yang berumur 60 tahun ke atas adalah dianggap sebagai wargatua. Bagi negara membangun, wargatua yang berumur 55 tahun adalah umur persaraan . Di Malaysia, kakitangan kerajaan atau juga kebanyakan syarikat bersara apabila mereka sampai kepada 55 tahun. Oleh kerana selepas itu, hampir kesemua mereka tidak membuat sebarang pekerjaan atau aktiviti, mereka berpendapat bahawa mereka yang dianggap sebagai wargatua. Sebaliknya, kaum petani, nelayan atau juga orang yang bekerja sendiri, tidak bersara kerana mereka akan keputusan mata pencarian, mereka ini juga terus meningkat usianya.

Di negara maju, orang bersara selepas berumur 65 tahun ke atas. Mereka dianggap sebagai wargatua. Sebenarnya,

proses ketuaan atau keumuran bermula sejak dilahirkan lagi. Tetapi disebabkan beberapa faktor sosial dan ekonomi, satu ketetapan perlu dibuat dari segi umur bagi menentukan sesuatu dasar program dan sebagainya.

Walaupun ada perbezaan dari sebuah negara ke sebuah negara, satu kata sepakat perlu dibuat bagi tujuan antara bangsa. Dari itu, Pertubuhan Bangsa-bangsa(PBB) telah menetapkan bahawa orang yang telah mencapai umur 60 tahun ke atas dianggap sebagai wargatua dan Malaysia juga turut bersetuju dengan takrif ini. Untuk tujuan kajian penyelidikan, pengkaji telah mendefinisikan responden yang berumur 60 tahun ke atas sebagai wargatua yang juga merupakan salah satu daripada syarat kemasukan ke dalam Rumah Orang Tua.

#### **2.4 Konsep Institusi Kebajikan Sosial**

Untuk mengusahakan kebajikan orang ramai, keperluan mereka harus dipenuhi oleh mereka sendiri, keluarga mereka dan juga kawan-kawan atau pada masa-masa tertentu oleh orang lain. Apabila sesebuah masyarakat berkembang, satu alat atau cara telah diformalisasikan untuk membekalkan sumber-sumber bagi membantu dan memenuhi keperluan masyarakat, ia telah membentuk satu "institusi". (Armando:1989).

Institusi adalah 'satu cara yang formal, diiktiraf dan stabil untuk melaksanakan sesuatu aktiviti di dalam masyarakat.

Institusi sosial adalah dicipta oleh prosedur masyarakat yang tersusun untuk memenuhi keperluan manusia. Justeru itu , institusi kebajikan sosial harus dilihat sebagai satu kelebihan lebih daripada satu penggantian untuk mencurahkan rasa kasih sayang individu. Usaha-usaha informal selalu wujud untuk memenuhi keperluan melalui kasih sayang individu oleh keluarga, kawan dan pembantu. Bantuan bagaimanapun tidak membawa sumber atau perhatian masyarakat untuk memikul proses saling bantu-membantu. Ia adalah satu tindak balas yang bertentangan antara individu dan institusi.

Institusi kebajikan sosial boleh dijelaskan dalam bentuk undang-undang, polisi, perkhidmatan, agensi perkhidmatan manusia, sukarela dan pelbagai profession dan kumpulan kerjaya yang mungkin membantu manusia memenuhi keperluan mereka. Kerja sosial adalah satu profession yang mana telah membantu melaksanakan fungsi institusi kebajikan sosial.

Untuk mencapai matlamat institusi kebajikan sosial, Rumah Orang Tua telah didirikan dengan tujuan utama untuk memberi jagaan dan perlindungan dan menjamin ketenteraman bagi memenuhi keperluan wargatua yang daif dan tidak mempunyai sanak saudara. Pelbagai program dan aktiviti yang merupakan mekanisme di mana melalui institusi sosial inilah ia dilaksanakan.

## **2.4.1 Rumah Orang Tua Sebagai Institusi Kebajikan Sosial**

Walaupun keutamaan diberi kepada rancangan-rancangan yang mengalakkan orang-orang tua di dalam masyarakat, maka ada juga yang tidak dapat hidup di dalam lingkungan keluarga, sanak saudara atau kawan-kawan. Orang-orang tua seumpama ini diberi jagaan dan perlindungan di institusi kebajikan sosial iaitu Rumah Orang Tua yang dikelolakan oleh Kementerian Kebajikan Pusat, Majlis Pusat Kebajikan Malaya dan badan kebajikan sukarela yang lain.

Kementerian Kebajikan Malaysia mempunyai 9 buah institusi Rumah Orang tua yang dikenali sebagai Rumah Seri Kenangan yang memberi seramai 2415 orang tua. Majlis Pusat Kebajikan Malaya telah mendirikan sebanyak 92 buah Rumah Kebajikan Tempatan dan 72 pondok yang boleh memuatkan seramai 1415 orang tua. Beberapa pertubuhan sukarela yang lain juga mendirikan Rumah Orang Tua. Bilangan adalah sebanyak lima buah yang memberi jagaan dan perlindungan kepada seramai 450 orang. Institusi ini menerima bantuan tahunan daripada Kementerian Kebajikan Masyarakat.<sup>5</sup>

Di Sarawak, Rumah Seri Kenangan di bawah kelolaan kerajaan adalah sebanyak dua buah dan Rumah Orang Tua di bawah Pertubuhan Sukarela dan pihak swasta adalah sebanyak 3 buah. Di samping itu, Rumah-rumah orang yang tidak berwaris untuk Muslim,

Senior Citizen Club dan Pusat Rawatan Wargatua juga didirikan untuk memenuhi keperluan masyarakat khususnya wargatua.

## 2.5 Kebajikan Sosial

Kebajikan dalam kamus adalah membawa makna 'kebaikan, kekayaan, kesihatan, kebahagiaan dan sebagainya bagi seseorang , kumpulan atau organisasi. '(Morales:1989). Dalam pandangan yang luas, kebajikan adalah perhatian manusia untuk kebajikan individu, famili, kumpulan, organisasi dan komuniti. Istilah kebajikan sosial menunjukkan satu konsep yang tidak menentu dan selalu berubah-ubah. Ia ada konotasi yang positif dan negatif. Kalau didefinisikan secara sempit, ia bermakna bantuan kewangan atau perkhidmatan lain kepada mereka yang tidak berfaedah. Dalam kata lain, ia mungkin merujuk kepada tanggungjawab kolektif untuk memenuhi keperluan universal keseluruhan penduduk.

Elizabeth Wickenden(1965) mendefinisikan kebajikan sosial sebagai " provisi yang kuat untuk memenuhi keperluan sosial yang diiktiraf sebagai asas kepada kebajikan seluruh penduduk dan fungsi yang lebih baik bagi susunan sosial." (John. M. Romanyshyn: 1971:3) Definisi yang lebih luas bagi kebajikan sosial sebagai merangkumi semua bentuk perantaraan atau campur tangan sosial yang mempunyai satu primari satu perhatian langsung dengan ini mengusahakan kebajikan individu dan masyarakat sebagai keseluruhan.

Kebajikan sosial termasuk provisi dan proses yang menumpukan perhatian langsung dengan layanan dan pencegahan masalah sosial, perkembangan sumber manusia dan memajukan kualiti hidup. Ia juga melibatkan perkhidmatan sosial kepada individu dan keluarga sebaik-baiknya saja usaha untuk menguatkan atau memperbaiki institusi sosial. Selain daripada itu Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu telah mendefinisikan 'kebijakan sosial sebagai merangkumi seluruh aktiviti yang diorganisasikan yang bertujuan untuk membantu individu atau komuniti bagi memenuhi keperluan mereka."(Friedlande:1974:5)

Untuk mencapai matlamat kebijakan sosial, pelbagai dasar kebijakan sosial sedang, telah dan akan dirancangkan untuk mereka yang telah berusia. Dasar-dasar ini boleh merupakan rancangan jangka panjang atau pendek yang dibuat sama ada oleh pihak kerajaan, swasta ataupun pertubuhan sukarela. Ia bertujuan untuk membantu individu terutama wargatua supaya keperluan mereka dapat dipenuhi.

## **2.6 Dasar Kebajikan Sosial Ke atas Wargatua**

Dasar kebijakan sosial bukanlah dipaparkan sebagai satu siri solusi kepada masalah sosial. Sebaliknya, dasar sosial adalah dilihat sebagai konflik umum terhadap asas-asas, sebab-sebab dan masalah-masalah kebijakan sosial yang sepatutnya mengenai apa yang perlu dilakukan untuk mereka, siapa yang melakukan dan

siapa yang membuat keputusan. (DiNitto,D:1991:4) Dasar kebijakan sosial melibatkan satu siri isu politik mengenai apa yang perlu dilakukan ke atas golongan miskin, hampir miskin dan tidak miskin sama sekali atau apa-apa yang perlu dilakukan sebenarnya.

Ada sarjana lain yang menegaskan bahawa aktiviti kerajaan hendaklah mempunyai satu matlamat, objektif atau tujuan supaya dapat dilabelkan sebagai satu 'dasar'. Definisi ini membayangkan tentang satu perbezaan antara tindakan kerajaan dan tindakan perancangan keseluruhan terhadap matlamat yang spesifik.

Malaysia sehingga hari ini, belum mempunyai dasar khusus untuk wargatua.<sup>6</sup> Keperluan wargatua dianggap sebagai keperluan mereka yang tidak berupaya dan kurang bernasib baik. Dasar kebijakan Kebangsaan yang diistiharkan oleh kerajaan pada tahun 1990 mengenal pasti wargatua 60 tahun ke atas sebagai salah satu Kumpulan Sasaran. Walau bagaimanapun, dasar iini menyatakan kebijikan utama digalakkan diletakkan bawah sokongan keluarga dan masyarakat. Jagaan dalam institusi akan hanya disediakan sebagai pilihan terakhir.

Sungguhpun belum ada dasar khusus tetapi kerajaan telah mengalakkan pengwujudan masyarakat penyayang. Hari Wargatua telah diwujudkan pada 1hb Oktober1992 sebagai memperingati wargatua. Cukai pendapatan mengambil kira perbelanjaan perubatan untuk tanggungan wargatua. Kemudahan

perubatan untuk tanggungan Pegawai Kerajaan termasuk ibu atau bapa juga diadakan.

### **2.6.1 Perkhidmatan yang sedia ada**

#### **a. Perkhidmatan Kebajikan Masyarakat**

Jabatan Kebajikan Masyarakat berusaha menjaga kepentingan dan kebajikan wargatua supaya nasib mereka lebih terjamin. Bantuan kepada wargatua dibahagikan kepada dua jenis iaitu melalui perkhidmatan luar dan perkhidmatan institusi. Perkhidmatan-perkhidmatan tersebut menumpukan perhatian kepada wargatua yang daif dengan cara memberi bantuan kewangan dan bantuan kebendaan seperti tongkat, cermin mata dan perlindungan serta jagaan di Rumah Orang Tua (Rumah Seri Kenangan).

##### **i) Perkhidmatan Luar**

Perkhidmatan luar menyediakan bantuan kewangan atau kebendaan kepada wargatua yang tiada berkemampuan. Di samping itu, bimbingan, nasihat, runding cara diberi kepada mereka yang memerlukannya. Perkhidmatan ini memberi peluang kepada masyarakat untuk memainkan peranan dalam membantu wargatua. Tiap-tiap penerimaan bantuan disyaratkan mempunyai seorang penjaga sendiri dari kaum keluarga, kenalan atau jiran. Penjaga memainkan peranan penting dalam memberi penjagaan dan perlindungan yang sempurna kepada wargatua berkenaan.

Ini termasuk mengambil berat hal kebajikan wargatua selaras dengan konsep masyarakat penyayang atau "*Caring Society*". Biasanya, penjaga mengambil berat tentang hal kesihatan wargatua makanan yang berzat serta seimbang serta mengadakan perhubungan yang rapat supaya wargatua tidak kesunyian dan tidak menikmati suasana kekeluargaan dan tidak merasa tersisih dari masyarakat. Bantuan kewangan yang diberikan adalah dari Kerajaan Pusat dan Negeri.

#### **ii) Membina atau Membaiki Rumah Bagi Wargatua**

Di bawah program ini, Jabatan Kebajikan Masyarakat mengalakkan komuniti mengamalkan konsep masyarakat penyayang. Ini dilaksanakan dengan memberi peluang kepada wargatua untuk tinggal di kampung halaman mereka sendiri dan dari itu mencegah mereka daripada masuk ke Rumah Orang Tua. Wargatua dibantu dari segi membina pondok-pondok yang baru ataupun membaiki pondok-pondok lama yang usang.

#### **iii) Perkhidmatan Institusi**

Perkhidmatan institusi disediakan kepada wargatua untuk memberi jagaan dan perlindungan kepada mereka yang daif dan tidak mempunyai saudara mara yang boleh menjamin kesejahteraan mereka. Terdapat 9 buah Rumah Orang Tua (Rumah Seri Kenangan) di seluruh negara yang ditadbirkan oleh kerajaan Persekutuan dengan muatan untuk seramai 2450 penghuni. Rumah Seri Kenangan memberi perkhidmatan seperti penjagaan dan

perlindungan, kaunseling dan bimbingan, cara pulih kerja, kemudahan beribadat, riadah dan rawatan perubatan.

**b. Perkhidmatan Yang Diberi Oleh Persatuan atau Pertubuhan Sukarela**

Di negara ini terdapat 156 buah Rumah Orang Tua atau pondok sukarela di bawah jagaan Majlis Pusat Kebajikan Masyarakat yang memberi jagaan dan perlindungan kepada seramai 1250 wargatua. Terdapat juga 4 buah pertubuhan sukarela yang memberi jagaan dan perlindungan kepada wargatua. Di bawah dasar ini kerajaan memberi bantuan kepada Majlis Pusat Kebajikan Malaysia dengan geran sebanyak \$700,000 setahun.

**c) Perkhidmatan Sosial Jabatan Imigresen**

Jabatan Imigresen telah mengaturkan satu kaunter khas bagi membantu wargatua untuk memohon pasport antarabangsa.

**d) Perkhidmatan Perubatan Hospital Besar, Kuala Lumpur**

Hospital besar Kuala Lumpur telah mengadakan kaunter khas bagi wargatua untuk menerima ubat.

**e) Perkhidmatan Sosial MAS dan KTM**

MAS dan KTM masing-masing telah memberi tiket konsesi sebanyak 50% kepada wargatua.

## **2.7 Cadangan Dasar Untuk Wargatua**

Sungguhpun sudah menjadi tradisi keluarga menjaga wargatua tetapi institusi ini perlu diberi sokongan agar keperluan wargatua tidak terabai pada masa kini dan hadapan. Adalah dicadangkan satu dasar kebangsaan mengenai kebijakan wargatua harus digubal. Memandangkan tenaga buruh untuk pembangunan perindustrian semakin kecil akibat keumuran penduduk maka dicadangkan agar umur bersara dinaikkan daripada 55 tahun kerana negara akan kehilangan berpengalaman dan bijaksana jika bersara pada umur yang rendah.

### **i) Pekerjaan**

Peluang pekerjaan perlu diwujudkan bagi wargatua yang ingin bekerja sama ada untuk kesihatan, menyara diri ataupun menambah pendapatan. Potensi sumbangan ekonomi dan sosial wargatua mesti ditekankan melalui polisi-polisi yang mengalakkan pengambilan wargatua berkeupayaan dan program-program latihan semula untuk menentukan wargatua mempunyai status kewangan yang kukuh, sistem persaraan hendaklah menyeluruh dan meliputi semua jenis pekerjaan dan sektor pelaburan juga harus digalakkan.

### **ii) Kekeluargaan**

Sebagai institusi asas dalam penjagaan wargatua, satu sistem sokongan terhadap keluarga seperti insurans, perubatan, perumahan. Pelajaran perlu diwujudkan untuk mengalakkan

keluarga mengekalkan tanggungjawab mereka terhadap wargatua. Sistem pengecualian cukai pendapatan juga dicadangkan untuk keluarga-keluarga yang menjaga wargatua.

### **iii) Kesihatan**

Adalah perlu diwujudkan dasar ke arah mengadakan kakitangan perubatan dan kesihatan yang dilatih khas untuk mengendali masalah perubatan dan kesihatan yang dihadapi oleh wargatua. Perubatan geriatrik perlu diberi perhatian penting. Semua kategori kaki tangan perlu diberi latihan dalam bidang ini untuk mengendali wargatua yang tinggal di bandar dan luar bandar.

### **iv) Pendidikan**

Pendidikan adalah sangat mustahak kerana ia menyumbang kepada peningkatan kualiti penghidupan untuk masyarakat keseluruhannya. Adalah mustahak untuk kanak-kanak ketika mereka masih kecil lagi supaya kehidupan mereka akan lebih bermakna apabila mereka dewasa kelak. Masyarakat boleh mengadakan program pendidikan yang disusun khas untuk wargatua seperti peluang untuk mempelajari kemahiran baru, menyesuaikan diri mereka dalam suasana kehidupan dan pekerjaan, mencegah kemalangan, menggunakan masa lapang, menjaga kesihatan, menghadapi perubahan dan cabaran hidup serta menghadapi masalah pendapatan yang jauh berkurangan.

Pendidikan perlu juga ditujukan kepada keluarga dan pekerjaan sukarela. Mereka patut dimaklumkan mengenai cara mana hendak menghadapi masalah wargatua dan dibekalkan dengan pengetahuan mengenai kemudahan dan sumber-sumber yang ada dalam masyarakat. Dengan memahami masalah-masalah dan kesulitan wargatua dan mengetahui sokongan yang wujud dalam masyarakat, ianya akan mengurangkan tekanan yang dihadapi mereka dan di samping itu mengukuhkan kemahiran mereka untuk menjaga ibu bapa mereka yang telah ada di rumah mereka.

v) **Kajian**

Kajian mengenai keperluan wargatua perlu diberi keutamaan kerana dengan mengatasi masalah wargatua, kualiti hidup mereka akan meningkat. Ini akan mengurangkan pergantungan mereka kepada kerajaan dan masyarakat untuk menjaga mereka.

vi) **Kerja Sosial**

Kerja sosial adalah satu perkhidmatan professional berdasarkan kepada pengetahuan saintifik dan kemahiran dalam hubungan manusia untuk membantu individu, kumpulan atau komuniti mencapai sosial atau persendirian atau tanpa pergantungan. Ia dilakukan oleh pelbagai golongan sama ada yang profesional atau tidak, persatuan sukarela untuk melaksanakan kebijakan sosial dan polisi yang dirancangkan oleh institusi

kebijakan sosial untuk mencapai matlamat iaitu memenuhi keperluan asas orang ramai dan menjamin kualiti hidup yang lebih tinggi.

Fungsi kerja sosial dengan wargatua bukan saja terhad kepada program-program memberi perkhidmatan secara langsung kepada individu juga memberi pendidikan kesihatan untuk penghuni, membela, mengambil bahagian dalam perancangan dasar dan program, jaminan kualiti, bimbingan kepada ahli-ahli dalam jangka masa panjang dan pendek.<sup>7</sup>

Perkhidmatan yang disediakan oleh pekerja sosial juga dibekalkan oleh pihak individu atau kumpulan manusia. Perkhidmatan tidak langsung membantu institusi sosial seperti organisasi tertentu, jiran tetangga, komuniti dan polisi kerajaan, undang-undang negara lebih bertindak balas kepada keperluan manusia. Kerja sosial dengan wargatua adalah penting bagi negara Malaysia dewasa ini untuk membolehkan mereka terus hidup di zaman yang penuh mencabar ini dan berusaha mengatasi masalah mereka seperti dari segi keperluan fizikal, mental, emosi, kesihatan dan bantuan kebijakan sosio-ekonomi.

## 2.8 Rumusan

Konsep-konsep tentang wargatua dan Rumah Orang Tua adalah pelbagai. Ia termasuklah konsep ketuaan, wargatua, institusi kebijakan sosial, kebijakan sosial , dasar sosial dan juga kerja sosial.

Konsep-konsep ini penting dalam meneliti fenomena wargatua dan institusi Rumah Orang Tua yang mana dasar-dasar yang dirancangkan untuk kebijakan wargatua dapat dilaksanakan sepenuhnya dengan kerjasama kerajaan dan masyarakat. Justeru itu, kebijakan wargatua akan lebih terjamin kualiti dan kuantiti hidup mereka dan tidak disisih oleh individu, keluarga , kumpulan dan juga komuniti.

### BAB III

#### ORGANISASI DAN STRUKTUR PENTADBIRAN RUMAH-RUMAH ORANG TUA: SATU PERBANDINGAN ANTARA RUMAH SERI KENANGAN DAN RUMAH ORANG TUA, HUN NAM SIANG TNG DI KUCHING, SARAWAK

##### 3.1 Scenario Wargatua dan Rumah Orang Tua di Sarawak

Jadual 3.1 : Taburan Penduduk Tua Mengikut Kumpulan Umur dan Jantina di Kuching, Sarawak

| Kumpulan Umur | 1980 ('000 penduduk) |        |           | 1990 ('000 penduduk) |        |           |
|---------------|----------------------|--------|-----------|----------------------|--------|-----------|
|               | Jumlah               | Lelaki | Perempuan | Jumlah               | Lelaki | Perempuan |
| 55 - 59       | 33                   | 16     | 17        | 44                   | 21     | 23        |
| 60 - 64       | 29                   | 15     | 14        | 36                   | 18     | 18        |
| 65 dan lebih  | 46                   | 24     | 22        | 77                   | 36     | 41        |
| Jumlah        | 108                  | 55     | 53        | 157                  | 75     | 82        |

Punca: Banci Penduduk 1980 dan Pendaftar Kelahiran dan Kematian Tahunan

Nota: Penduduk Sarawak 1991 adalah 1648217 dan di Kuching: 368385 orang.

Dalam rajah 3.1 jelas menunjukkan pertambahan bilangan wargatua dari tahun ke tahun. Pada tahun 1980, jumlah penduduk wargatua adalah seramai 108,000 orang tetapi bilangan ini telah meningkat kepada 157000 orang pada tahun 1990 dan mereka adalah dalam lingkungan umur 55 tahun ke atas.

Jadual 3.2: Taburan Penduduk Mengikut Kumpulan Umur, Sarawak

| Kumpulan umur | Bilangan (000') |      |      |      |
|---------------|-----------------|------|------|------|
|               | 1960            | 1970 | 1980 | 1990 |
| 55 - 59       | 16              | 23   | 33   | 44   |
| 60 - 64       | 16              | 21   | 29   | 36   |
| 65 dan lebih  | 23              | 28   | 46   | 77   |
| Jumlah        | 55              | 72   | 108  | 157  |

Punca: Banci-banci Penduduk 1960, 1970 dan 1980 dari Pendaftaran Kelahiran dan Kematian Tahunan.

Merujuk kepada jadual 3.2 di atas, jelas menunjukkan bahawa negeri Sarawak telah mengalami perubahan ciri-ciri kependudukan seperti mana ianya mengalami perubahan yang pesat dalam berbagai bidang seperti ekonomi dan sosial selepas merdeka. Jumlah penduduk Sarawak pada tahun 1960 adalah seramai 745,000 orang dan telah meningkat kepada 1670,000 orang pada tahun 1990. Kumpulan umur 55 tahun ke atas pada tahun 1960 hanyalah 55000 orang sahaja tetapi angka ini telah meningkat kepada 72000 orang pada tahun 1970, 108000 orang pada tahun 1980 dan 157000 orang pada tahun 1990.

Dengan keadaan kesihatan rakyat yang menjadi lebih baik disebabkan perkhidmatan yang menyeluruh, jumlah wargatua semakin meningkat dimana jangka hayat adalah dari 62 tahun kepada 67 tahun dan struktur penduduk turut berubah di mana mereka yang lebih 55 tahun turut bertambah iaitu 18% kepada 24% .

Perubahan terhadap jenis-jenis keperluan, jumlah, kualiti bagi perkhidmatan promotif, perkhidmatan pencegahan dan perkhidmatan pemilihan kesihatan di kalangan penduduk.

Justeru itu, apabila bilangan wargatua meningkat umurnya dengan tubuh badan yang semakin susut dan ketahanan berkurangan, beliau mudah diserang penyakit. Dalam keadaan ini, pengurusan dirinya dan juga suasana persekitaran, ini akan mengakibatkan kemerosotan nilai dari individu berkenaan.

Keadaan bertambah teruk dengan perubahan dari segi ekonomi, politik, sosial di mana manusia ghairah memenuhi dunia materialistik dan individualistik, ditambah lagi dengan perubahan bentuk famili daripada bentuk keluarga luas kepada nuklear. Orang tua dalam kaca mata masyarakat bukan lagi dianggap sebagai khazanah masyarakat yang berguna dan dihormati sebaliknya dianggap sebagai beban. Kesisihan oleh keluarga dan persekitaran yang dipengaruhi oleh kehidupan yang tidak menentu dan tidak ada pegangan menyebabkan timbulnya pengabaian wargatua. Sebilangan daripada mereka telah ditempatkan di Rumah Orang Tua sebagai salah satu institusi kebajikan sosial yang berperanan sebagai alternatif kepada institusi keluarga.

Bilangan wargatua yang ramai telah menyebabkan terbentuknya Rumah Orang Tua kerana bukan semua wargatua yang berasas baik dan hidup bersama keluarga, saudara mara atau

kawan. Ramai diantaranya telah diabaikan dan sebilangannya ditempatkan ke dalam Rumah Orang Tua.

Selaras dengan matlamat untuk memperjuangkan kebajikan wargatua, pihak kerajaan, swasta mahupun pertubuhan sukarela telah mengambil tindakan dengan menubuhkan institusi kebajikan sosial di seluruh negara. Di negeri Sarawak , kerajaan Negeri telah menubuhkan Rumah Orang Tua yang lebih dikenali sebagai Rumah Seri Kenangan masing-masing terletak di Bahagian Kuching dan Sibu dan penghuninya adalah terdiri daripada multi-etnik. Pelbagai perkhidmatan telah disediakan untuk menjamin kebajikan penghuninya.

Di samping itu, pertubuhan sukarela tempatan juga bergiat dari segi menjaga kebajikan wargatua dengan menubuhkan Rumah Orang Tua seperti Rumah Orang Tua di bawah badan amal Hun Nam Siang Tng, Kesatuan Kebajikan Sibu dan Rumah Orang Tua di Bahagian Miri. Terdapat banyak lagi pusat atau tempat untuk perlindungan wargatua yang kurang bernasib baik seperti Rumah-rumah Orang Yang Tidak Berwaris di Semariang khas untuk masyarakat Muslim, Pusat Perkhidmatan Wargatua, pondok-pondok dan sebagainya. Di samping itu, penubuhan pusat perlindungan bercorak '*community-based*' juga diadakan iaitu wargatua digalakkan tinggal bersama atau berdekatan dengan saudara mara, anak, kawan tetapi perkhidmatan kebajikan mereka disokong oleh pihak kerajaan ataupun pertubuhan tertentu.

### **3.2 Perbandingan Antara Rumah Seri Kenangan dan Rumah Orang Tua, Hun Nam Siang Tng di Kuching, Sarawak**

Untuk mengetahui keadaan atau kedudukan sosio-ekonomi penghuni dalam Rumah Orang Tua, adalah wajar sekiranya organisasi dan struktur pentadbiran bagi Rumah yang dikaji dibuat satu perbandingan kerana ia lah yang akan mempengaruhi corak hidup, sikap serta persepsi penghuni di tempat tersebut.

Organisasi menurut Chester I. Bernard adalah "sebagai satu sistem yang berassosiasi di mana ia menyelaraskan aktiviti secara sedar oleh dua orang atau lebih. Ianya wujud apabila terbentuknya susunan peraturan syarat-syarat kumpulan antara masyarakat ke arah mencapai matlamat tertentu" (Gisbert, S.J:1972:81). Manakala struktur pentadbiran pula merujuk kepada susunan atau rangka pengelolaan sesuatu pertubuhan, bandan dan lain-lain. Untuk tujuan kajian ini, pelbagai aspek akan ditonjolkan dengan membuat perbandingan di antara dua buah organisasi Rumah Orang Tua iaitu Rumah Seri Kenangan dan Rumah Orang Tua, Hun Nam Siang Tng di Kuching, Sarawak.

#### **3.2.1 Kedudukan Dan Latar belakang Penubuhan**

Rumah Seri Kenangan, Kuching terletak di kilometer 20, Jalan Kuching-Serian. Ia mempunyai keluasan sebanyak 35.75 ekar. Rumah ini ditubuhkan pada tahun 1932 dari tabung kutipan masyarakat Cina Kuching untuk orang papa sebagai penghormatan bagi memperingati Raja Sir Charles Brooke. Pada tahun 1957,

kerajaan Sarawak meminta Majlis Kebajikan Sosial mengambil alih kementerian tersebut dan dinamakan Rumah Seri Kenangan, Kuching. Kemudian pada tahun 1968, Kementerian Kebajikan Am Sarawak mengambil alih tanggungjawab Rumah tersebut daripada Majlis Kebajikan Sosial Sarawak.

Badan Amal Hun Nam Siang Tng yang diasaskan oleh Puan Chan Boon Hiang pada tahun 1947 adalah merupakan tokong Buddha Cina yang mana juga merupakan satu organisasi kebajikan yang terbesar di Sarawak. Luas kawasannya adalah 0.25 ekar dan terletak di Jalan Sekama, Kuching. Nama Hun Nam Siang Tng hanya diwujudkan pada tahun 1950 dengan mengkombinasikan nama pertama bagi dua buah Siang Tng iaitu Hun Leong Siang Tng di Chaoan dan Nam Ang Siang Tng di Singapura. Tujuannya adalah untuk membantu mereka yang miskin, membekalkan keranda secara percuma dan memperluaskan pelbagai kegiatan dermaan.

Hun Nam Siang Tng hanya berjaya menjadi satu pertubuhan yang didaftarkan secara rasmi pada 18hb November 1956 dan bangunan yang sempurna disiapkan pada 28hb Jun 1959. Pada tahun 1958 , telah ada perkhidmatan untuk menjaga dan memberi perlindungan kepada wargatua yang tidak berupaya dan tidak ada sanak saudara. Pada 24hb Jun 1961, satu upacara diadakan dengan dihadiri oleh ketua pegawai kerajaan, orang kepentingan dan orang-orang kenamaan di seluruh tempat untuk upacara perasmian Rumah Orang Tua. Sejak dari itu, orang tua yang

perlu ditempatkan di dalamnya supaya mereka secara relatifnya dapat hidup dalam satu kondisi yang lebih sempurna.


### **3.2.2 Matlamat Penubuhan**

Matlamat penubuhan bagi kedua buah Rumah Orang Tua adalah sama iaitu untuk menjamin penjagaan dan ketenteraman bagi memenuhi keperluan orang tua yang daif dan tidak mempunyai sanak saudara tanpa mengira kaum dan agama. Penubuhan Rumah Orang Tua dapat membantu menyelesaikan sebahagian daripada masalah orang tua tidak ada tempat pergantungan dalam masyarakat.

### **3.2.3 Syarat-syarat Kemasukan dan Cara Kemasukan**

Bagi Rumah Seri Kenangan, orang tua yang daif dan melebihi 60 tahun, tidak mengidap penyakit berjangkit, tidak mempunyai sanak saudara dan berupaya menguruskan diri sendiri akan diterima masuk ke dalam Rumah. Individu yang ingin memasuki Rumah hendaklah membuat permohonan kepada Bahagian Kebajikan Kementerian Pembangunan Sosial. Rujukan akan dibuat oleh wakil rakyat, ketua masyarakat dan pihak Hospital. Siasatan dibuat oleh Pejabat Kebajikan Bahagian atau Daerah dan pemeriksaan oleh doktor kerajaan. Selepas itu, kelulusan adalah disahkan oleh Pengarah Kebajikan dan akhirnya kemasukan individu ke dalam Rumah. Cara Kemasukan dapat ditunjukkan dalam rajah 3.1

### Rajah 3.1 Cara Kemasukan Bagi Rumah Seri Kenangan



Rumah Orang Tua, Hun Nam Siang Tng menyediakan syaratnya sendiri. Semua orang Sarawak yang berumur 60 tahun ke atas tanpa mengira bangsa dan agama, tidak ada sanak saudara untuk menjaga mereka adalah layak masuk memohon. Di samping itu, daya pergerakan masih baik, dapat menguruskan diri tanpa pertolongan orang lain akan diberi keutamaan. Wargatua yang memohon perlu diperiksa oleh doktor supaya tidak mempunyai penyakit berjangkit.

Individu yang memohon ke Rumah harus diperkenalkan oleh orang-orang tertentu atau organisasi tertentu seperti ketua masyarakat, wakil rakyat dan persatuan dialek. Selepas mendapat kelulusan dari pihak Rumah, individu itu perlu berpindah masuk ke Rumah dalam masa dua minggu. Kalau tidak, akan dianggap tidak

sah. Rajah 3.2 di bawah menunjukkan cara kemasukan ke dalam Rumah Orang Tua, Hun Nam Siang Tng.

Rajah 3.2: Cara Kemasukan Bagi Rumah Orang Tua, Hun Nam Siang Tng

Rajah 3.2 Cara Kemasukan Bagi Rumah Orang Tua,  
Hun Nam Siang Tng

Rujukan oleh wakil rakyat,  
ketua masyarakat dan  
persatuan dialek

→ Permohonan ← Individu

Pemeriksaan oleh doktor

Kelulusan oleh Pihak Rumah

Kemasukan ke dalam Rumah

### 3.2.4 Peraturan Yang Dikenakan dan Perbuatan Yang Tidak Harus Dibuat


Kedua-dua Rumah telah menetapkan jadual sendiri untuk sarapan, makan tengah hari dan makan malam bagi para penghuni. Bagi Rumah Seri Kenangan, sarapan adalah pada pukul 6.00 pagi, makan tengah hari pukul 11.30 pagi dan makan malam pada pukul 4.30 petang. Manakala bagi Rumah Orang Tua, Hun Nam Siang Tng pula, makan sarapan adalah pada pukul 8.00 pagi, makan tengah

hari pada pukul 12.00 pagi dan makan malam pada pukul 5.00 petang.

Antara perbuatan yang tidak harus dibuat adalah penghuni tidak boleh meminum minuman keras dan menghisap dadah, tidak boleh berjudi, tidak bergaduh dan tumbuk, tidak boleh merosakkan harta awam dan mencuri barang rakan rumah. Penghuni juga tidak boleh mengemis di luar Rumah, tidak boleh merebut semasa mengambil makanan dan air, tidak boleh meludah sebarang, tidak boleh keluar secara sesuka hati kecuali telah mendapat kelulusan. Penghuni yang melanggar peraturan sekiranya ringan akan diberi amaran tetapi bila penghuni melakunya kesalahan berat, dia akan dihantar kepada penjamin.

### 3.2.5 Organisasi Rumah Seri Kenangan

Rajah 3.3 Carta Organisasi RSK



Carta organisasi Rumah Seri Kenangan menunjukkan ketua Rumah adalah Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat. Beliau bertanggungjawab bagi pentadbiran harian bagi Rumah, menguruskan Staf Rumah termasuk pengagihan dan penyeliaan aktiviti harian dan penyusunan masa bercuti, cuti umum, jadual tugas dan hal-hal staf lain untuk persetujuan bagi Pegawai Pembangunan Masyarakat. Beliau juga bertanggungjawab bagi mengekalkan disiplin bagi Rumah, bekalan bagi kemudahan yang bersesuaian dan kemudahan rekreasi.

Pembantu Pembangunan Masyarakat pula membantu Pegawai Pembangunan Masyarakat dalam pentadbiran harian bagi Rumah dan khususnya kerja berkaitan dengan terapi, rekreasi dan program-program lain yang diadakan untuk kebaikan penghuni. Beliau juga membantu Pegawai Pembangunan Masyarakat dalam mengemaskinikan kes sejarah penghuni dan membuat laporan kemajuan untuk diperiksa oleh Lembaga Pelawat. Beliau juga memberi perhatian kepada aduan dan permintaan penghuni.

Di bawah Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat, pegawai-pegawai yang ada termasuklah Jururawat Staf, Pembantu Pembangunan Masyarakat, Penyelia Asrama Dan Jururawat Desa dan mereka diberi tugas tertentu. Contohnya, Pembantu Pembangunan Masyarakat iaitu Pembantu Am Rendah bertanggungjawab mengawal projek pemeliharaan ikan, penanaman sayuran dan projek-projek lain untuk kebaikan Rumah dan penghuni. Beliau

juga menyelia kerja berhubung dengan kebersihan kawasan persekitaran secara kerap khususnya blok kediaman penghuni.

Antara kakitangan yang lain ialah kerani atau jurutaip, 12 orang pembantu am rendah, tukang masak, 5 orang tukang masak, seorang pemandu kereta, dua orang tukang kebun dan juga penjaga. Pembantu am misalnya bertanggungjawab menjaga kebersihan bagi blok penghuni di mana mereka membantu dan memastikan bilik penghuni sentiasa kemas dan tersusun setiap masa. Tukang masak pula di bawahan matron adalah bertanggungjawab dalam penyediaan makanan untuk penghuni dan menghidangkannya.

Dalam Rumah Seri Kenangan, pentadbiran dibahagikan kepada blok-blok tertentu seperti Blok 4 hingga 6 adalah Blok lelaki, Blok perempuan dan Blok Muslim. Sementara Blok Konvalesen (Lelaki) dan Blok Sick Bay (Perempuan) adalah bagi mereka yang sakit dan mengalami kesusahan dalam pergerakan. Di samping itu, Lembaga pelawat ditubuhkan bagi memastikan bahawa pentadbiran dan pengurusan Rumah adalah baik dan kebajikan penghuni adalah terjamin. Mereka juga berikhtiar mengadakan Majlis Ramah Tamah, Majlis Hari Jadi dan Hari Tebuka untuk para penghuni di situ. Tempoh keahlian Lembaga Pelawat adalah untuk tempoh 3 tahun. Antara ahlinya adalah Pengerusi, Setiausaha, Bendahari, ahli-ahli tidak boleh kurang dari 7 orang dan terdiri daripada multi-etnik.

### **3.2.6 Carta Organisasi Bagi Rumah Orang Tua, Hun Nam Siang Tng**

Rajah 3.4: Carta Organisasi bagi Rumah Orang Tua, Hun Nam Siang Tng



Hun Nam Siang Tng mengadakan Mesyuarat Agong Tahunan dua tahun sekali untuk memilih jawatankuasa eksekutif. Dermawan Bagi Siang Tng akan dijemput untuk menjadi Doktor Kehormat, Pengerusi Kehormat, penaja, penaung setelah mendapat persetujuan jawatan kuasa eksekutif. Pengerusi adalah bertanggung jawab dalam pentadbiran segala hal dalam Siang Tng termasuk Rumah Orang Tuanya. Dibawahnya adalah 4 orang naib Pengerusi

yang akan mengambil alih tugas Pengurus jika Pengurus tidak ada. Ketua Pentadbir Rumah adalah Ketua Pegawai dan Penolong Pegawai Bahagian Kebajikan Sosial. Di bawahnya beberapa kakitangan telah diupah seperti Setiausaha yang bertanggung jawab dalam hal suratmenyurat, kerani, tukang masak, pembantu dan pemandu untuk melicinkan kerja pentadbiran seluruh organisasi termasuk Rumah Orang Tuanya.

Adalah diingatkan bahawa badan amal Hun Nam Siang Tng bukan sahaja menguruskan pentadbiran Rumah Orang Tua sahaja, ia juga mentadbirkan bidang lain seperti bidang pendidikan, bidang perhubungan, bidang keagamaan, bidang hiburan yang juga membawa kebajikan kepada penghuni Rumah. Pentadbiran Rumah adalah dibahagikan kepada dua Blok iaitu Blok Lelaki dan Blok Perempuan kerana bilangan penghuninya yang tidak ramai dan kawasannya hanyalah 0.25 ekar sahaja. Tidak ada Lembaga Pelawat ditubuhkan memandangkan ia sendiri adalah satu badan sukarela yang diorganisasikan oleh sukarelawan.

### **3.2.7 Jumlah Penghuni**

Memandangkan Rumah Seri Kenangan adalah dibawah milik kerajaan, maka penghuni adalah terdiri daripada multi-etnik dan berbagai agama. Sebenarnya, institusi ini boleh menempatkan seramai 139 orang (maksimum). Jumlah penghuni pada masa penyelidikan adalah seramai 76 orang tetapi untuk tujuan kajian, pengkaji hanya mengambil penghuni yang berumur 60 tahun ke

atas. Ini menyebabkan jumlah penghuni yang dikira sebagai wargatua hanyalah seramai 68 orang sahaja. Bilangannya adalah terdiri daripada 4 orang Melayu, 47 orang Cina, 7 orang Iban, 8 orang Bidayuh, seorang Jawa dan seorang Eurasian.

Disebabkan luas kawasan Hun Nam Siang Tng yang tidak luas, maka ia hanya menempatkan 43 orang penghuni. Ini terjadi juga mungkin disebabkan peranan organisasi terhadap bidang lain yang juga merupakan fungsi kebajikan seperti bidang pendidikan, keagamaan dan sebagainya selain pengurusan Rumah. Kesemua penghuni Rumah adalah terdiri daripada orang Cina iaitu seramai 32 orang lelaki dan 11 orang perempuan. Namun begitu, sebagai satu organisasi kebajikan, Rumah Orang Tua juga menerima bangsa lain sebagai penghuni secara terbuka.

### **3.2.8 Sumber Kewangan**

Oleh kerana Rumah Seri Kenangan adalah milik kerajaan, maka segala sumber kewangan adalah dari kerajaan. Kerajaan memperuntukkan (Mengikut 1992) sebanyak RM 250,000 kepada Rumah Seri Kenangan dan perbelanjaan setahun dianggarkan sejumlah RM 298,240 setahun. Hari Terbuka diadakan sekali setahun untuk memperolehi wang tambahan dengan menjual hasil tangan penghuni. Ia juga bertujuan untuk mendapatkan '*amenities fun*' seperti sambutan hari jadi penghuni, majlis makan malam tahunan dan juga lawatan.

Manakala bagi Rumah Orang Tua, Hun Nam Siang Tng pula, disebabkan asasnya adalah satu pertubuhan sukarela maka, sumber kewangan bagi pentadbiran Rumah adalah merupakan dermaan orang ramai dan persatuan. Contohnya, STIDC (Sarawak Timber Industry Development Corporation) menderma RM 5000 setahun kepada Rumah tetapi jumlah dermaan adalah tidak tetap. Ini menyebabkan sumber kewangan tidak tetap. Namun, dengan sokongan masyarakat khususnya peniaga, persatuan masalah kewangan dapat diatasi. Di samping itu, pihak kerajaan memperuntukkan wang sebanyak RM 12000 setahun untuk pentadbiran Rumah. Perbelanjaan setahun Rumah adalah kira-kira RM 0.2 juta setahun.

### **3.2.9 Jenis Perkhidmatan Yang disediakan Oleh Rumah Seri Kenangan**

Untuk menjamin organisasi dan struktur pentadbiran dapat berjalan dengan lancar dan kebajikan sosio-ekonomi penghuni dijamin, maka pelbagai perkhidmatan telah disediakan oleh pihak Rumah. Keperluan wargatua keseluruhannya boleh dibahagikan kepada beberapa kategori. Antaranya ialah keperluan fizikal, mental, emosi kesihatan dan sosio-ekonomi. Kategori ini selaras dengan pembahagian daerah atau '*domain*' wargatua. Untuk itu, dalam Rumah Seri Kenangan yang mana di bawah kelolaan pihak kerajaan telah menyediakan perkhidmatan yang berbagai kepada penghuninya seperti berikut:

### i) Jagaan dan perlindungan

Dari segi ini, Rumah Seri Kenangan telah menyediakan keperluan asas secukupnya kepada penghuni seperti tempat tinggal yang selesa dengan penjagaan bilik dan sekitarnya secara rapi oleh penghuni sendiri dan juga pembantu am. Dari segi makanan, catuan dibuat mengikut menu yang disediakan oleh Hospital Umum, Kuching di mana makan sarapan, makan tengah hari dan makan malam dihidangkan. Selain daripada itu, '*tea time*' juga disediakan setiap hari. Ini adalah untuk memastikan kandungan zat dan protein yang mencukupi untuk kesihatan orang tua. Menu ini akan berubah tiga minggu sekali dan makanan utama adalah seperti ikan, sayur, daging dan sebagainya. Bagi pakaian pula, ia diberi secara percuma sama ada oleh pihak kerajaan mahu pun dermawan.

Wang saku sebulan setiap orang penghuni adalah sebanyak RM10.00 dan sekiranya penghuni menjalankan aktiviti dalam Rumah seperti menternak ayam, itik dan membuat kraf tangan, jualan hasilannya membolehkannya memperolehi wang tambahan kira-kira RM20.00-RM30 .00 sebulan. Bila menjelang perayaan seperti Tahun Baru Cina, Hari Raya, Hari Gawai, ada persatuan atau dermawan yang menderma kepada penghuni sehingga dapat mengumpul kira-kira RM 150.00. Jumlah ini sentiasa berubah-ubah kerana ia bergantung pada dermaan orang ramai.

## **ii) Perkhidmatan Kaunseling Dan Bimbingan**

Perkhidmatan kaunseling dan bimbingan juga diadakan seperti perbincangan secara individu atau kelompok, perbincangan kes untuk membantu penghuni mengatasi masalah emosi dan psikologi.

## **iii) Cara Pulih Kerja**

Selain daripada itu, usaha cara pulih kerja (*occupational therapy*) juga diperkenalkan di kalangan penghuni yang masih cergas dan waras. Sebelum ini, program ini diperkenalkan oleh *Voluntary Service Oversea (V. S. O.)* oleh pihak British. Namun kini, ia diambil alih oleh negara Jepun di bawah kelolaan seorang *Occupational Therapist* dari *Japan Oversea Cooperation Volunteers* yang akan bersilih ganti untuk tempoh dua tahun.

Tujuannya ialah untuk melihat perbezaan antara wargatua di luar negeri seperti wargatua Malaysia dengan wargatua negara Jepun, mengaplikasikan apa yang dipelajari di Jepun ke negara Malaysia yang mana difikirkan mereka ini mempunyai lebih idea dalam memberi tunjuk ajar dan panduan kepada penghuni semasa kerja terapi dijalankan. Seramai 13 penghuni secara puratanya menyertai kerja terapi ini dan kerja yang dibuat adalah termasuk membuat kain bergambar, membuat benda dari tanah liat (*Clay Working*), membuat kad jemputan.

Selain daripada itu, kerja lain yang diperkenalkan kepada penghuni ialah menanam nanas, menternak ayam, itik, arnab dan memelihara ikan, membersihkan kebun bunga yang melibatkan lima orang penghuni. Ada dua orang penghuni juga melibatkan diri dalam pembuatan sampul surat yang disediakan oleh Bengkel Seri Sarawak.<sup>8</sup>

Kerja terapi ini diadakan adalah supaya dapat memupuk perasaan penghuni masih lagi produktif dan boleh memberi sumbangan kepada masyarakat. Di samping itu, penghuni juga berasa gembira dan berinteraksi sesama rakan serumah. Ia juga dapat mengerakkan otak kerana terdapat kombinasi antara seluruh anggota badan seperti mata dan tangan. Dengan memasarkan hasil pertukangan atau hasil kerja mereka, penghuni boleh menjuga memperoleh wang saku tambahan yang membolehkan mereka berbelanja untuk membeli keperluan mereka. Sekiranya hasil keluaran tidak dapat dipasarkan secara laris, juga merupakan satu kebaikan kepada penghuni di mana penghuni dapat menikmati hasil kerja tangan mereka. Ia juga menambahkan keyakinan kepada mereka bahawa mereka masih lagi berguna dan daya produktiviti mereka masih baik.

#### **iv) Kemudahan Beribadat**

Kemudahan beribadat pula diadakan untuk memenuhi keperluan rohaniah untuk ketenteraman fikiran serta jiwa penghuni menurut agama dan kepercayaan masing-masing. Surau, gereja juga telah didirikan untuk kemudahan penghuni. Pada setiap petang hari

Rabu, ustaz-ustaz dijemput untuk memberi ajaran agama kepada penghuni dan juga kaki tangan di surau. Kadang-kala, ada kumpulan Kristian yang melawat penganut-penganutnya dan memberi ajaran agama kepada mereka.

#### v) Riadah

Dari segi riadah pula, pelbagai jenis riadah ringan seperti permainan lotto, catur, menonton television, membaca suratkhabar, menyanyi dan juga senaman ringan yang disertai oleh seramai 15 orang secara purata. Lawatan di sekitar Kuching seperti di tempat-tempat peranginan untuk mengisi masa lapang, menjaga kecergasan kesihatan penghuni di samping mengeratkan pergaulan antara penghuni yang terdiri daripada pelbagai etnik dan agama. Kegiatan seperti lawatan oleh pelajar sekolah, persatuan, organisasi ke Rumah sering diadakan untuk tujuan memenuhi keperluan penghuni seperti keperluan psikologi, gotong royong dalam membersihkan kawasan Rumah, memberi hadiah dan sebagainya. Jadual 3.3 menunjukkan aktiviti harian bagi penghuni yang terlibat.

Jadual 3.3 Aktiviti-aktiviti Harian Rumah Seri Kenangan

| Hari/<br>Masa | 9.00-10.00a.m                                    | 2.00-3.00a.m        |
|---------------|--|---------------------|
| I s n i n     | Kerja Terapi                                     | ---                 |
| S e l a s a   | Kerja Terapi                                     | main lotto          |
| R a b u       | Gotong<br>Royong/Outing                          | Kelas<br>Agama      |
| K h a m i s   | Kerja Terapi                                     | Senaman Ringan      |
| J u m a a t   | Kerja Terapi                                     | Menonton Televisyen |
| S a b t u     | Main Snooker<br>congkak,dart,karrom<br>ping pong | ---                 |

## **vi) Kemudahan Kesihatan**

Kesihatan bagi seseorang adalah penting terutamanya kesihatan fizikal dan mental. Untuk ini, rawatan perubatan juga diadakan bagi penghuni Rumah Seri Kenangan. Perkhidmatan perubatan diberi secara percuma oleh seorang pembantu perubatan yang datang sekali seminggu dari Raja Charles Brooke Memorial Hospital. Selain daripada Klinik Bina juga menyediakan rawatan secara percuma. Sekiranya penghuni mengidapi penyakit serius, dia akan dihantar ke Hospital Umum atau Poliklinik untuk rawatan susulan.

### **3.3.0 Perkhidmatan yang Disediakan Oleh Rumah Orang Tua, Hun Nam Siang Tng**

Badan amal Hun Nam Siang Tng bergerak aktif dalam bidang kebajikan telah memberi banyak manfaat, faedah dan kebajikan terutama sekali kepada golongan tua dan daif dari kaum Cina dan juga kaum lain. Adanya Rumah Orang Tua yang dijalankan secara sukarela oleh badan, sudah tentu kepentingan orang-orang tua yang miskin dan memerlukan bantuan dapat diberikan perhatian. Di samping itu, beban kerajaan dalam bidang tersebut juga dapat diringankan atau dipermudahkan. Ini bukan bermakna pihak kerajaan suka mengambil sikap 'lepas tangan' tetapi untuk tanggungjawab bagi meningkatkan kebajikan dan keadaan sosial masyarakat itu sendiri. Usaha-usaha sukarela seperti ini akan dapat memperkuuhkan kerja sama antara rakyat dan kerajaan.

Dari segi jagaan dan perlindungan, sepertimana Rumah Seri Kenangan juga menyediakan keperluan asas secukupnya seperti tempat tinggal yang selesa. Dari segi makanan pula, oleh kerana ia bergantung kepada dermaan atau tajaan ahli perniagaan, pekedai-pekedai dan sebagainya, maka menu adalah mengikut apa yang ada tetapi pihak berkuasa senantiasa memastikan setiap hari penghuni dibekalkan makanan seperti sayur, daging, ikan dan sebagai untuk kesihatan penghuni. Sama seperti Rumah Seri Kenangan, selain membekalkan air, makan sarapan, tengah hari dan malam disediakan secara percuma. Didapati penghuni akan membeli makanan yang dikehendaki untuk memenuhi kepuasan sendiri di dua buah Rumah ini.

Pakaian juga diberi oleh orang ramai dan pihak Rumah semasa perayaan seperti Perayaan Tahun Baru Cina, hari Krimas. Restoran Lok Thian, salah satu daripada restoran di Kuching akan menyediakan majlis makan malam Tahun Baru Cina untuk penghuni Rumah. Mereka juga akan diberi 'ang pow' sehingga RM 300.00 dan wang saku bulanan mereka adalah sebanyak RM 28.00 sebulan.

Dua orang pembantu diupah untuk menjaga kebersihan sekitar Rumah dan penghuni seperti menukar tilam, sarung tilam pada masa-masa tertentu. Katil juga merupakan alat dermaan orang ramai. Orang-orang tua dipelawa untuk menghadiri pelbagai petunjukan yang diadakan oleh persatuan sukarela. Mereka juga dibawa keluar seperti lawatan ke tempat peranginan sekali-sekala untuk kecergasan badan dan otak penghuni.

Dari segi rawatan perubatan, Persatuan Doktor Sarawak merawat penghuni yang sakit setiap bulan sekali. Persatuan Bulan Sabit Merah Sarawak juga membekalkan jururawat dan doktor untuk merawat penghuni yang sakit dengan percuma. Sekiranya penghuni menghadapi penyakit yang tenat, akan dihantar segera ke Hospital Umum, Kuching untuk rawatan susulan.

Satu perbezaan besar antara Rumah Seri Kenangan dan Rumah Orang Tua, Hun Nam Siang Tng ialah ketiadaan cara pulih kerja di Hun Nam Siang Tng. Ini adalah disebabkan keluasan kawasan yang sangat terhad. Selain menguruskan atau memperuntukkan kawasan untuk rumah orang tua, Hun Nam Siang Tng juga meluangkan kawasan untuk penggunaan aktiviti lain seperti pembinaan Pusat Serbaguna dan Keagamaan dan sebagainya. Selain daripada itu, sumber kewangan yang amat bergantung kepada dermaan masyarakat juga merupakan faktor yang mengugat pembangunan aspek-aspek tertentu untuk kebajikan penghuninya.

Walau bagaimanapun, untuk menjamin keselesaan hidup penghuni dalam Rumah Orang Tua, pihak organisasi tidak ketinggalan juga membekalkan pelbagai jenis suratkhabar untuk bacaan penghuni, television, video yang juga dibekalkan secara percuma. Penghuni juga digalakkan melakukan kerja ringan di dalam Rumah Orang Tua seperti menyapu lantai, membersihkan sekitar kawasan Rumah dan sebagainya.

### **3.3.1 Keluaran**

Penghuni boleh dibebaskan atau keluar dari Rumah Orang Tua sekiranya ada orang yang bersedia memberi jagaan dan perlindungan yang sempurna atau penghuni mempunyai sesuatu mata pencarian untuk menyara kehidupannya.

### **3.3.2 Masalah Pentadbiran Rumah Dan Cara Mengatasinya**

Pentadbiran sesebuah institusi seperti Rumah Orang Tua pasti akan menghadapi pelbagai masalah. Ketiadaan jururawat di Rumah Seri Kenangan menyebabkan penyelia asrama terpaksa mengambil alih tugas tersebut. Didapati kerena penghuni yang sukar untuk difahami malah dikatakan sebagai perangai 'budak-budak'. Mereka sentiasa tidak puas hati dengan apa yang ada sebaliknya memberi aduan tentang makanan dan sebagainya sedangkan mereka sendiri terlalu memilih makanan. Untuk kelincinan pentadbiran, pegawai-pegawai hanyalah sabar saja dalam menjalankan tugas dan cuba memperbaiki serta memenuhi kehendak penghuni.

Bagi Rumah Seri Kenangan yang menyediakan aktiviti untuk penghuni, didapati sering menemui masalah dimana penghuni yang terlibat enggan hadir atau lewat dan ada pula yang hanya tidur dan rehat sepanjang hari sedangkan mereka mampu lagi menjalankan kerja yang ringan itu. Sering kedapatan penghuni yang terlalu aktif (sebilangan kecil) dengan melibatkan pelbagai jenis

aktiviti. Untuk kebaikan penghuni, pegawai yang bertugas terpaksa memujuk mereka untuk beberapa kali sehinggalah mereka menyertai aktiviti tertentu.

Masalah juga timbul bila berhadapan dengan penghuni yang bertelingkah antara satu sama lain atas soal perselisihan faham. Pegawai dalam menguruskan hal ini telah memberi nasihat, amaran kepada mereka yang terlibat dan memisahkan mereka semana yang mungkin seperti berpindah ke blok lain dan sebagainya.

Bagi penghuni yang sakit tenat dan tidak mampu bergerak, tempat mereka hanyalah di dalam bilik tidur sahaja. Justeru itu, ada penghuni yang membuang sampah merata-rata tempat. Ada juga penghuni yang enggan menguruskan diri seperti enggan mandi. Untuk menyelesaikan masalah ini, pembantu am senantiasa menjalankan tugasnya iaitu memastikan kebersihan bilik, kawasan persekitaran Rumah dan juga kebersihan badan penghuni pada setiap masa.

Ada juga penghuni yang meminta sedekah di luar Rumah yang mana perbuatan ini telah melanggar peraturan yang ditetapkan oleh pihak Rumah. Bagi menjamin kebajikan penghuni, pegawai yang bertugas telah memberi amaran dan mengenakan disiplin yang ketat keatas mereka yang melakukan kesalahan.

Masalah yang paling ketara bagi Rmah Orang Tua, Hun Nam Siang Tng adalah masalah kewangan kerana ia adalah sebuah

organisasi yang sangat bergantung kepada dermaan awam. . Justeru itu, tempat tinggal penghuni yang sempit dan persekitaran yang tidak memuaskan telah membawa kesan fisiologi, fizikal kepada penghuni. Mereka selalu membuat aduan tentang ketidakselesaan tempat kediaman mereka. Ini akan diatasi dengan meluaskan asrama supaya dapat membentuk satu tempat yang aliran udara nyaman dan selesa. Selain daripada itu, pembinaan Pusat serbaguna dua tingkat juga sedang dibina untuk kegunaan penghuni dan keseluruhan badan tersebut.

### **3.3.3 Rumusan**

Disebabkan hakmilik kedua buah Rumah Orang Tua adalah berlainan antara satu sama lain iaitu Rumah Seri Kenangan di bawah kelolaan pihak kerajaan dan Rumah Orang Tua, Hun Nam Siang Tng dia bawah organisasi sukarela, maka didapati organisasi dan struktur pentadbiran juga ada kelainannya. Didapati Rumah Seri Kenangan dipenuhi dengan aktiviti harian untuk kebaikan penghuni. Ia dapat diadakan kerana sumber kewangannya lebih tetap, kaki tangan Rumah yang ramai dan yang paling penting ialah keluasan kawasan sebanyak 35.75 ekar yang menyediakan kawasan yang luas untuk pelbagai aktiviti.

Kalau dibandingkan dengan Rumah Seri Kenangan, Rumah Orang Tua, Hun Nam Siang Tng mengalami masalah yang lebih banyak khususnya dari segi keluasan kawasan yang terhad dan sumber kewangan yang amat bergantung kepada dermaan

masyarakat awam. Keadaan ini telah membawa kesan ke atas organisasi Rumah. Tidak hairanlah ia hanya mendedahkan penghuninya dengan aktiviti ringan iaitu riadah seperti mengalakkan mereka membaca suratkhabar, menonton televisyen dan video, bermain catur, lawatan dan lain-lain aktiviti untuk menjaga kesihatan penghuni khususnya dari segi rohani dan jasmani.

Walaupun kedua-dua pentadbiran Rumah menghadapi masalah seperti masalah penghuni, masalah kewangan dan sebagainya, namun ia dapat diselesaikan dari semasa ke semasa atas kebijaksanaan pihak pentadbir. Ini selaras dengan tujuan utama Rumah iaitu untuk menjamin penjagaan dan ketenteraman bagi memenuhi keperluan orang tua yang daif dan tidak ada sanak saudara.

## BAB IV

### IDENTIFIKASI LATAR BELAKANG SOSIO-EKONOMI RESPONDEN DI RUMAH SERI KENANGAN DAN RUMAH ORANG TUA, HUN NAM SIANG TNG SERTA PELBAGAI PERSPEKTIF KEHIDUPAN RESPONDEN

Untuk meninjau keseluruhan organisasi Rumah, adalah wajar bagi mengkaji latar belakang responden khususnya dari segi sosio-ekonomi. Oleh kerana rangka persampelan antara dua Rumah adalah berlainan maka melalui maklumat yang diperolehi, terdapat juga perbezaan yang nyata antara kedua-duanya.

#### 4.1 Jumlah Penghuni

Jadual 4.1: Bilangan penghuni di Rumah Seri Kenangan dan Rumah Orang Tua, Hun Nam Siang Tng mengikut bangsa dan jantina.

| Bangsa   | RSK    |           | ROT, HNST |           |
|----------|--------|-----------|-----------|-----------|
|          | Lelaki | Perempuan | Lelaki    | Perempuan |
| Cina     | 33     | 14        | 31        | 12        |
| Iban     | 2      | 5         | —         | —         |
| Bidayuh  | 2      | 6         | —         | —         |
| Melayu   | 4      | —         | —         | —         |
| Jawa     | 1      | —         | —         | —         |
| Eurasian | 1      | —         | —         | —         |
| Jumlah   | 43     | 25 = 68   | 43        |           |

Di Rumah Seri Kenangan, jumlah penghuni yang melebihi 60 tahun ke atas adalah seramai 68 orang. Jadual 4.1 menunjukkan perbezaan yang nyata antara dua buah Rumah. Dari segi bangsa, dapat dilihat bahawa Rumah Seri Kenangan diduduki oleh pelbagai bangsa dan agama. Bagi Rumah Orang Tua, Hun Nam Siang Tng , semua penghuninya adalah terdiri daripada orang Cina sahaja. Namun begitu, sebagai sebuah badan amal yang berfungsi dalam bidang kebajikan sosial, ia juga menerima bangsa lain secara terbuka.

Dalam Rumah Seri Kenangan, terdapat seramai 68 orang penghuni. 43 orang adalah terdiri daripada kaum lelaki dan antaranya kaum lelaki Cina mempunyai bilangan yang paling ramai iaitu 33 orang diikuti oleh kaum Melayu iaitu 4 orang , penghuni Iban(2 orang), Bidayuh (2 orang). Jawa dan Eurasian masing-masing seorang. Antara jumlah responden ini, penghuni perempuan adalah terdiri daripada 25 orang. Seperti juga kaum lelaki Cina, kaum perempuan Cina menduduki tempat teratas iaitu 14 orang diikuti oleh kaum Bidayuh seramai 6 orang dan kaum Iban seramai 5 orang. Bagi Rumah Orang Tua, Hun Nam Siang Tng pula, kesemua penghuninya adalah terdiri daripada etnik Cina iaitu seramai 31 orang lelaki dan 12 orang penghuni perempuan.

Agama yang dianuti oleh penghuni pula juga pelbagai. Dari maklumat yang diperolehi, dapat dibuat satu analisa bahawa penghuni yang berbangsa Melayu dan Jawa adalah memeluk agama Islam, kaum Iban, Bidayuh, Eurasian dan sebilangan kecil orang Cina

beragama Kristian dan majoriti dari penghuni etnik Cina adalah menganuti kepercayaan Taoisme dan Buddhisme.

#### **4.2 Jumlah Responden**

Jadual 4.2: Bilangan responden di Rumah Seri Kenangan dan Rumah Orang Tua, Hun Nam Siang Tng mengikut bangsa dan jantina.

| <b>Bangsa</b>  | <b>RSK</b>    |                  | <b>ROT, HNST</b> |                  |
|----------------|---------------|------------------|------------------|------------------|
|                | <b>Lelaki</b> | <b>Perempuan</b> | <b>Lelaki</b>    | <b>Perempuan</b> |
| <b>Cina</b>    | 20            | 11               | 19               | 6                |
| <b>Iban</b>    | 1             | 3                | —                | —                |
| <b>Bidayuh</b> | 1             | 1                | —                | —                |
| <b>Melayu</b>  | 1             | —                | —                | —                |
| <b>Jawa</b>    | 1             | —                | —                | —                |
| <b>Jumlah</b>  | <b>25</b>     | <b>15=40</b>     |                  | <b>= 25</b>      |

Jadual 4.2 menunjukkan bilangan responden di Rumah Seri Kenangan dan Rumah Orang Tua, Hun Nam Siang Tng mengikut bangsa dan jantina. Di Rumah Seri Kenangan, responden bangsa Cina adalah terdiri daripada 31 orang atau 77.5% diikuti oleh responden Iban seramai 4 orang atau 10% dan responden bangsa Melayu dan bangsa Bidayuh masing-masing dua orang atau 10% dan responden bangsa Jawa adalah seramai seorang atau 2.5%. Responden-responen ini dipilih daripada jumlah keseluruhan penghuni Rumah Seri Kenangan seramai 68 orang di mana kumpulan ini adalah merupakan mereka yang masih mampu menguruskan diri, daya pergerakan baik dan berfikir secara waras. Bagi Rumah Orang Tua ,

Hun Nam Siang Tng pula, bilangan responden adalah seramai 25 orang daripada 43 penhnuni dan kesemua responden adalah terdiri daripada bangsa Cina yang memiliki kategori yang sama dengan Rumah Seri Kenangan.

#### **4.3 Kategori Umur Responden -responden**

Jadual 4.3: Kategori umur responden di Rumah Seri Kenangan dan Rumah Orang Tua, Hun Nam Siang Tng

| Umur (tahun)      | RSK            |             |                   |                | ROT, HNST      |             |                   |                |
|-------------------|----------------|-------------|-------------------|----------------|----------------|-------------|-------------------|----------------|
|                   | Lelaki<br>Bil. | Lelaki<br>% | Perempuan<br>Bil. | Perempuan<br>% | Lelaki<br>Bil. | Lelaki<br>% | Perempuan<br>Bil. | Perempuan<br>% |
| <b>60-70</b>      | 10             | 25          | 11                | 27.5           | 8              | 32          | 2                 | 8              |
| <b>71-80</b>      | 9              | 22.5        | 2                 | 5              | 4              | 16          | 2                 | 8              |
| <b>81-90</b>      | 2              | 5           | 1                 | 2.5            | 7              | 28          | 2                 | 8              |
| <b>91 ke atas</b> | 5              | 12.5        | --                | --             | --             | --          | --                | --             |
| <b>Jumlah</b>     | <b>26</b>      | <b>65</b>   | <b>14</b>         | <b>35</b>      | <b>19</b>      | <b>76</b>   | <b>6</b>          | <b>24</b>      |

Dari jadual 4.3 didapati kebanyakan responden dari kedua buah Rumah adalah dalam lingkungan umur 60-70 tahun. Dari 40 responden yang dipilih di Rumah Seri Kenangan, 21 orang adalah dalam lingkungan tersebut atau 52.5% diikuti oleh 27.5% atau 11 orang dalam lingkungan umur 71-80 tahun, diikuti oleh kategori umur 91 tahun ke atas iaitu seramai 5 orang atau 12.5%. Hanya 3 orang atau 0.75% yang berada dalam lingkungan umur 81-90 tahun.

Bagi responden Rumah Orang Tua, Hun Nam Siang Tng pula, daripada 25 orang yang ditemuduga, didapati lingkungan umur 60-70 tahun adalah seramai 10 orang atau 40%. Manakala bagi responden dalam lingkungan umur 71-80 tahun pula, hanya terdiri daripada 6 orang atau 24% dan bagi responden dalam lingkungan umur 81-90 tahun adalah seramai 9 orang atau 36%. Tidak ada responden yang berumur 91 tahun ke atas dalam Rumah ini.

Dari maklumat yang diperolehi, didapati responden lebih dari kumpulan umur 60-70 tahun tahun. Kebanyakan berasal dari Sarawak manakala bagi yang lain pula boleh dikatakan semakin tua umur seseorang responden, negara China masih merupakan tempat asal mereka. Tidak dapat dinafikan ada juga responden yang berasal dari negara-negara lain seperti Singapura, Filipina. Di Rumah Seri Kenangan, didapati 21 orang atau 52.5% daripada responden adalah berasal daripada negara China. Manakala yang berasal dari Sarawak adalah seramai 19 orang atau 47.5%.

Bagi Rumah Orang Tua, Hun Nam Siang Tng, seramai 17 orang atau 68% adalah berasal dari negara China sementara responden yang berasal dari Sarawak pula hanyalah seramai 8 orang atau 32% sahaja. Bagi imigran dari negara China, mereka kebanyakannya berhijrah ke Malaysia dalam lingkungan umur belasan tahun hingga 30 tahun untuk tujuan mendapatkan satu pekerjaan yang lebih baik dan mencari cara hidup baru. Imigran-imigran ini kebanyakannya datang sendiri atau mengikuti ahli keluarga dan lama kelamaan menetap di Sarawak.

#### **4.4 Pelajaran**

Pelajaran sememangnya penting dalam menetapkan masa depan seseorang. Namun begitu, melalui pengkajian ke atas responden didapati bukan semua responden yang pernah menerima pendidikan. Ini mungkin berkait rapat dengan latar belakang keluarga dan juga pergolakan masyarakat pada zamannya. Kemungkinan juga pada masa itu, Malaysia belum mencapai kemerdekaan yakni 1940an menyebabkan peluang pelajaran kurang. Tambahan pula, masyarakat tradisional China sememangnya memegang kepercayaan bahawa gadis muda khususnya tidak perlu belajar atau menerima pendidikan tinggi kerana wanita adalah lebih inferior daripada lelaki.

Bagi kaum lelaki pula, ada ibu bapa yang lebih suka melihat anak-anaknya meneruskan pekerjaan yang dikerjakannya dan mewarisi kemahiran dari satu generasi ke generasi seperti menjadi petani dan peniaga yang berjaya. Faktor lain ialah masalah kemiskinan yang melarat pada masa itu juga menghancurkan harapan sesuatu keluarga untuk menghantar anak mereka ke sekolah.

Jadual 4.4: Peringkat pelajaran responden-responden

| Peringkat                        | Pelajaran | RSK       |            | ROT, HNST |            |
|----------------------------------|-----------|-----------|------------|-----------|------------|
|                                  |           | Bil.      | %          | Bil.      | %          |
| Sekolah Rendah                   |           | 19        | 47.5       | 12        | 48         |
| Sekolah Menengah                 |           | 3         | 7.5        | --        | --         |
| Kolej/Institusi Pengajian Tinggi |           | --        | --         | --        | --         |
| Tidak Pernah Bersekolah          |           | 18        | 45.0       | 13        | 52         |
| <b>Jumlah</b>                    |           | <b>40</b> | <b>100</b> | <b>25</b> | <b>100</b> |

Dari maklumat yang diperolehi melalui jadual 4.4 dapat dilihat bahawa di Rumah Seri Kenangan, seramai 19 orang atau 47.5% daripada mereka yang menerima pendidikan sekolah rendah adalah belajar dari tahun satu sampai tiga sahaja. Antara 19 orang ini, hanya 4 orang sahaja yang menerima pendidikan sekolah rendah dari darjah empat hingga enam. Seramai tiga orang atau 7.5% sahaja yang menerima pendidikan sampai sekolah menengah iaitu Tingkatan Tiga dan Lima. Tidak ada seorang pun daripada responden yang menerima pendidikan di Institusi Pengajian tinggi. Bilangan yang tidak pernah bersekolah juga tinggi iaitu seramai 18 orang atau 45%. Ini menunjukkan kadar buta huruf adalah tinggi di kalangan responden di Rumah Orang Tua.

Dari 25 orang responden yang dipilih di Rumah Orang Tua , Hun Nam Siang Tng, seramai 12 orang atau 48% adalah menerima pendidikan sekolah rendah dan bakinya seramai 13 orang atau 52% adalah tidak pernah bersekolah. Secara amnya, tingkat pelajaran seseorang akan mempengaruhi cara pemikiran serta pesepsinya terhadap aspek-aspek tertentu dalam kehidupan seperti

aspek ketuaan.. Mereka yang berpelajaran dikatakan lebih didedahkan kepada modenisasi serta unsur-unsur Barat. Akibatnya, dapat dilihat perbezaan pandangan dan pespsi terhadap hidup dan ketuaan di kalangan responden yang menerima pendidikan dengan yang tidak.

#### **4.5 Jangka masa Penginapan Responden-responden**

Jadual 4.5: Jangka masa penginapan responden

| <b>Jangka masa</b>            | <b>RSK</b> | <b>ROT, HNST</b> |
|-------------------------------|------------|------------------|
| <b>kurang dari satu tahun</b> | <b>3</b>   | <b>3</b>         |
| <b>1 - 5</b>                  | <b>22</b>  | <b>16</b>        |
| <b>6-10</b>                   | <b>5</b>   | <b>5</b>         |
| <b>11-15</b>                  | <b>4</b>   | <b>--</b>        |
| <b>16-20</b>                  | <b>4</b>   | <b>1</b>         |
| <b>21 tahun ke atas</b>       | <b>2</b>   | <b>--</b>        |

Menurut jadual 4.5, didapati ada satu kesamaan antara dua buah Rumah iaitu kebanyakan responden menetap di Rumah dalam jangka masa 1 hingga 5 tahun menduduki tempat tertinggi iaitu masing-masing 22 orang di Rumah Seri kenangan dan 16 orang di Rumah Orang Tua, Hun Nam Siang Tng. Seterusnya diikuti oleh jangka masa 6-10 tahun iaitu masing-masing seramai 5 orang. Melalui temuduga yang dibuat, didapati di Rumah Seri Kenangan ada seorang responden yang menetap untuk jangka masa 33 tahun dan bagi Rumah Orang Tua, Hun Nam Siang Tng pula, responden yang tinggal paling lama adalah 22 tahun.

#### **4.6 Taraf Perkahwinan Responden-responden**

Untuk mengkaji aspek sosio-ekonomi, maka maklumat tentang taraf perkahwinan harus diteliti. Ini adalah kerana ia juga akan mempengaruhi latar belakang responden dan faktor-faktor kemasukan ke dalam Rumah Orang Tua.

Jadual 4.6: Taraf perkahwinan responden-responden

| Taraf         | Perkahwinan | RSK       |            | ROT, HNST |            |
|---------------|-------------|-----------|------------|-----------|------------|
|               |             | Bil.      | %          | Bil.      | %          |
| Sudah         | Berkahwin   | 18        | 45         | 4         | 16         |
| Tidak         | Berkahwin   | 13        | 32.5       | 16        | 64         |
| Sudah         | Bercerai    | 2         | 5          | 1         | 4          |
| Janda         |             | 7         | 17.5       | 4         | 16         |
| <b>Jumlah</b> |             | <b>40</b> | <b>100</b> | <b>25</b> | <b>100</b> |

Dalam jadual 4.6, didapati dalam Rumah Seri Kenangan ada seramai 18 orang atau 45% daripada 40 responden yang telah berkahwin. Namun, mereka dimasukkan ke dalam Rumah Orang Tua bukan semata-mata disebabkan oleh faktor pengabaian oleh anak tetapi juga disebabkan oleh faktor lain seperti anak bekerja jauh darinya, isteri melarikan diri ke tempat lain, ketiadaan anak dan sebagainya. Ada juga responden yang mendirikan rumah tangga di China dan berhijrah sendiri ke Sarawak. Di Rumah Orang Tua, Hun Nam Siang Tng, bilangan responden yang berkahwin adalah kecil jumlahnya iaitu seramai 4 orang atau 16% sahaja.

Bagi responden yang mengambil keputusan untuk hidup bersendirian atau tidak mendirikan rumah tangga, bilangan ini agak ramai iaitu seramai 13 orang atau 32.5% di Rumah Seri Kenangan dan 16 orang atau 64% di Rumah Orang Tua, Hun Nam Siang Tng. Disebabkan responden ini tidak berkahwin, maka tidak ada tempat pergantungan yang boleh ditujui kecuali mengadu nasib di Rumah Orang Tua.

Ada juga responden yang sudah bercerai tetapi bilangan ini tidak ramai iaitu dua orang atau 5% di Rumah Seri Kenangan dan seorang atau 4% di Rumah Orang Tua, Hun Nam Siang Tng. Penceraian ini membawa kepada ketidakstabilan dalam keluarga, anak hanya mementingkan diri sendiri dan mengabaikan ibu atau bapa mereka. Cara penyelesaian yang paling baik ialah memasuki Rumah Orang Tua. Bagi responden wanita yang kematian suami atau menjadi janda juga menerima nasib yang agak sama dengan yang telah bercerai. Antara responden ini, ada 7 orang atau 17.5% adalah janda di Rumah Seri Kenangan dan 4 orang atau 16% di Rumah Orang Tua, Hun Nam Siang Tng.

#### **4.7 Jenis Pekerjaan Responden-responden**

Dalam zaman pembangunan yang penuh dengan materialistik dan individualistik ini, pekerjaan merupakan kunci utama yang boleh membawa hasil dan status kepada seseorang dalam usaha menempuh hidup mereka. Jenis pekerjaan responden adalah penting dalam menentukan masa depan responden dan salah satu sebab kemasukan boleh disebabkan oleh faktor pekerjaan.

Beberapa maklumat yang diperolehi, didapati ada satu kolerasi antara pendidikan dan pekerjaan dimana mereka yang tidak pernah bersekolah kebanyakannya mencebur diri dalam bidang pertanian dan perkilangan. Ada juga responden yang tidak melakukan sebarang pekerjaan. Jenis pekerjaan responden-responden adalah ditunjukkan dalam jadual 4.7.

Jadual 4.7: Jenis pekerjaan responden-responden

| Jenis Pekerjaan | RSK       |            | ROT, HNST |            |
|-----------------|-----------|------------|-----------|------------|
|                 | Bil.      | %          | Bil.      | %          |
| Petani          | 15        | 37.5       | 4         | 16         |
| Pekerja         | 15        | 37.5       | 18        | 72         |
| Peniaga         | 4         | 10         | 1         | 4          |
| Tidak bekerja   | 2         | 6          | --        | --         |
| Lain-lain       | 4         | 10         | 2         | 8          |
| <b>Jumlah</b>   | <b>40</b> | <b>100</b> | <b>25</b> | <b>100</b> |

Melalui jadual 4.7, didapati dalam Rumah Seri Kenangan, ada seramai 15 orang atau 37.5% adalah terdiri daripada petani, 37.5% atau 15 orang sebagai pekerja atau buruh kasar, 4 orang atau 10% sebagai peniaga, 2 orang atau 6% tidak bekerja dan lain-lain pekerjaan adalah 4 orang atau 10%. Sebaliknya di Rumah Orang Tua, Hun Nam Siang Tng, didapati seramai 18 orang atau 72% adalah pekerja diikuti oleh petani seramai 4 orang atau 16%. Peniaga pula adalah seramai seorang atau 4% dan lain-lain pekerjaan adalah seramai dua orang atau 8%. Lain-lain pekerjaan di sini merujuk kepada pekerjaan seperti penjaga anak, kerani, penyanyi dan sebagainya.

#### **4.8 Kategori Gaji Bulanan Responden -responden**

Setelah mengkaji jenis pekerjaan responden, adalah menjadi satu kekurangan jika tidak mengkaji pendapatan yang diperolehi oleh mereka sebelum memasuki Rumah Orang Tua. Aspek ekonomi paling penting dalam menentukan kuantiti dan kualiti hidup wargatua. Masalah kewangan merupakan salah satu faktor utama yang menyebabkan mereka masuk ke dalam Rumah Orang Tua dimana ia juga mempunyai perkaitan yang signifikan antara jenis pekerjaan dan pendapatan serta tingkat pelajaran mereka.

Jadual 4.8: Kategori Gaji Bulanan Responden-responden

| Gaji Bulanan           | RSK       |            | ROT, HNST |            |
|------------------------|-----------|------------|-----------|------------|
|                        | Bil.      | %          | Bil.      | %          |
| Kurang daripada RM 100 | 2         | 5          | 6         | 24         |
| RM 100-RM 200          | 11        | 27.5       | 9         | 36         |
| RM 200-RM 300          | 6         | 24         | 7         | 28         |
| Tidak Tetap            | 21        | 52.5       | 3         | 12         |
| <b>Jumlah</b>          | <b>40</b> | <b>100</b> | <b>25</b> | <b>100</b> |

Dari jadual 4.8 didapati bagi responden di Rumah Seri Kenangan, mereka yang menerima pendapatan tidak tetap adalah seramai 21 orang atau 52.5%. Ini adalah disebabkan pendidikan mereka tidak tinggi, maka mereka hanya boleh menceburi diri dalam pekerjaan bawahan yang tidak memerlukan kelulusan akademik tertentu. Justeru itu, mereka bebas menukar pekerjaan dan mobiliti ini mendorong mereka mencari pekerjaan yang mereka suka dan

akhirnya pendapatan mereka sering berubah-ubah menurut pekerjaan mereka.

Bagi mereka yang menerima pendapatan RM 200-RM 300 sebulan adalah seramai 11 orang atau 27.5% dan bagi responden yang menerima gaji bulanan sebanyak RM 100-RM 200 adalah seramai 6 orang atau 24% dan kurang daripada RM 100 adalah seramai 2 orang atau 5%. Di Rumah Orang Tua, Hun Nam Siang Tng pula, mereka yang menerima gaji bulanan RM 100-RM 200 adalah seramai 9 orang atau 36% diikuti oleh RM 200-RM 300 seramai 7 orang atau 28%, kurang daripada RM 100 adalah seramai 6 orang atau 24% dan responden yang menerima pendapatan tidak tetap adalah seramai 3 orang atau 12%.

#### **4.9 Sebab-sebab Berhenti Daripada Pekerjaan**

Bila menyentuh tentang sebab-sebab responden berhenti dari pekerjaan mereka dahulu dan mengambil keputusan untuk memasuki rumah orang tua, alasan yang diberi oleh 65 responden adalah bahawa mereka sudah tua(33.84%), sakit ringan seperti menghadapi masalah kesakitan mata, kaki, tangan(40%) dan sakit tenat seperti penyakit jantung, paru-paru, lumpuh (26.16%). Kemasukan mereka ke dalam rumah orang tua adalah ditanggung oleh orang-orang tertentu seperti Kapitan atau Pemanca, saudara, persatuan atau pun memohon secara persendirian.

#### **4.10 Simpanan Kewangan Responden-responden**

Melalui temuduga, didapati ramai responden yang tidak mempunyai simpanan wang sendiri. Daripada keseluruhan responden, didapati hanya sebilangan kecil atau 10% sahaja yang mempunyai simpanan RM 2000-RM 3000. 10 orang atau 15% mempunyai simpanan wang yang sedikit iaitu antara RM 50-RM 500 dan yang lain iaitu seramai 49 orang atau 75% tidak ada simpanan langsung. Mereka menerima wang saku sebanyak RM 10 di Rumah Seri Kenangan dan RM 28 di Rumah Orang Tua, Hun Nam Siang Tng.

Walau bagaimanapun, di hari perayaan seperti perayaan Tahun Baru Cina, Hari Raya Puasa, mereka dapat menerima wang sebanyak RM 100-RM 300. Bagi mereka yang melakukan pekerjaan di Rumah Seri Kenangan seperti menjual hasil kerja tangan, menternak ayam dan itik, maka mereka akan menerima pendapatan tambahan daripada hasil jualan mereka. Kebanyakan wang yang diperolehi adalah diberi oleh kawan, anak, saudara dan juga masyarakat seperti persatuan.

#### **4.11 Aspek Kesihatan Responden-responden**

Pola-pola penyakit di kalangan wargatua adalah berbeza dengan populasi warga muda. Pada masa yang sama, pola-pola penyakit juga berbeza antara negara membangun dan kurang membangun. Pola-pola penyakit yang dialami oleh wargatua adalah akibat daripada pelbagai penyakit seperti ketidakwarasan mental,

cancer dan pelbagai tindakbalas kepada kesakitan seperti kelambatan untuk sembah dari penyakit dan sebagainya.

Apabila seseorang individu itu menjangkau umur tua maka ia akan mengalami kurang keupayaan dari segi fizikal dan mentah hingga boleh menyebabkan mudah lupa, cepat penat, tidak boleh tidur dengan nyenyak, kurang penglihatan, kurang pendengaran dan lain-lain masalah seperti tekanan darah tinggi, penyakit paru-paru , sakit jantung dan lain-lain masalah.

Wargatua juga menghadapi penyakit kronik dengan kecacatan akibat kekerasan sistem saluran pendarahan, sendi dan tulang. Ini akan mengakibatkan penyakit lumpuh, darah tinggi, '*senile dementia*' dan lain-lain..Kesakitan ini mungkin juga timbul disebabkan oleh terlalu memilih makanan iaitu 32.3% daripada keseluruhan responden menyebabkan kekurangan zat pemakanan yang tidak seimbang. Cara gaya hidup masa muda seperti meminum minuman keras, merokok akan menjaskan kesihatan wargatua.

Dari kajian yang telah dijalankan jelas menunjukkan semua responden yang ditemubual memberi pengakuan bahawa mereka merasa sakit yang dianggap mereka sebagai "penyakit tua". Daripada 40 orang responden yang ditemubual di Rumah Seri Kenangan, didapati sebilangan besar iaitu 24 orang atau 60% mengalami penyakit berusia atau uzur seperti sakit kaki, badan, tangan dan sebagainya.<sup>9</sup> Penyakit jenis ini membawa kesakitan yang tidak menentu pada mereka. Terdapat 4 orang atau 10% responden yang berpenyakit lumpuh(*stroke*), 3 orang atau 7.5%

responden mengalami penyakit Tuberculosis, masing-masing seramai 2 orang atau 20% responden yang mengalami penyakit *Asthma Hypertension, Heart Failure, mental* dan *athma*. Terdapat seorang daripada responden atau 2.5% yang mengalami sebahagian buta atau *partly blind*.

Berbeza dengan Rumah Seri Kenangan, Rumah Orang Tua, Hun Nam Siang Tng mengalami satu keadaan yang berlainan. Didapati ramai penghuni yang mengalami penyakit serius dalam Rumah Seri Kenangan tetapi bagi Rumah Orang Tua, Hun Nam Siang Tng, seramai 22 orang atau 88% daripada responden yang berpenyakit berusia atau uzur. Hanya 2 orang atau 8% daripada responden mengalami penyakit *Asthma* dan seorang atau 4% mengalami penyakit *Asthma Hypertension*. Ini adalah akibat daripada perlaksanaan syarat kemasukan ke Rumah iaitu pemohon yang mengidapi penyakit berjangkit tidak akan diterima sebagai penghuni Rumah. Penerangan di atas boleh ditunjukkan melalui jadual 4.9.

Jadual 4.9 : Jenis Penyakit Responden-responden

| Jenis Penyakit          | Bil.      | RSK %      | ROT, HNST |            |
|-------------------------|-----------|------------|-----------|------------|
|                         |           |            | Bil.      | %          |
| Berusia/Uzur            | 24        | 60         | 22        | 88         |
| Stroke                  | 4         | 10         | --        | --         |
| Tuberculosis            | 3         | 7.5        | --        | --         |
| Athma      Hypertension | 2         | 5          | 1         | 4          |
| Heart      Failure      | 2         | 5          | --        | --         |
| Mental                  | 2         | 5          | --        | --         |
| Athma                   | 2         | 5          | 2         | 8          |
| Partly      Blind       | 1         | 2.5        | --        | --         |
| <b>Jumlah</b>           | <b>40</b> | <b>100</b> | <b>25</b> | <b>100</b> |

#### 4.12 Jenis Aktiviti Responden-responden Dalam Rumah

Jadual 4.10: Aktiviti responden-responden dalam Rumah

| Jenis aktiviti  | RSK       |            | ROT, HNST |              |
|---|-----------|------------|-----------|--------------|
|   | Bil.      | %          | Bil.      | %            |
| Kerja Terapi lawatan, gotong-royong, permainan ringan             | 15        | 37.5       | 8         | 32 (lawatan) |
| Menternak ayam, itik, arnab ikan, menanam bunga dan nanas         | 5         | 12.5       | --        | --           |
| Menonton video, televisyen, membaca surat-khabar, mendengar radio | 11        | 27.5       | 14        | 56           |
| Kerja Bengkel   | 2         | 5          | --        | --           |
| Tidak buat apa-apa  | 7         | 17.5       | 3         | 12           |
| <b>Jumlah</b>   | <b>40</b> | <b>100</b> | <b>25</b> | <b>100</b>   |

Dari jadual 4.10 adalah difahamkan bahawa di Rumah Seri Kenangan, seramai 15 orang atau 37.5% yang terlibat dengan kerja seperti kerja terapi, lawatan, permainan ringan dan gotong royong. Responden yang terlibat dengan aktiviti menternak ayam, itik, arnab dan ikan adalah seramai 5 orang atau 12.5%. Selain daripada itu , riadah seperti membaca suratkhabar, menonton video dan televisyen adalah seramai 11 orang atau 27.5%, kerja bengkel seramai 2 orang atau 5% dan yang tidak membuat apa-apa seramai 7 orang atau 17.5%.

Di Rumah Orang Tua, Hun Nam Siang Tng, responden yang terlibat dengan lawatan hanyalah seramai 8 orang atau 32%. Seramai 14 orang atau 56% daripada responden terlibat dalam jenis riadah seperti membaca suratkhabar, menonton video dan televisyen, bermain catur dan sebagainya. Namun begitu, terdapat juga seramai 3 orang atau 12% daripada responden yang tidak melakukan apa-apa aktiviti. Sebenarnya aktiviti yang disertai oleh setiap responden adalah baik dan menjamin kesihatan mereka dari segi jasmani dan rohani.

#### **4.13 Hubungan Kekeluargaan Responden-responden**

Semasa di Rumah Orang Tua, jalinan persaudaraan adalah penting yang mana juga merupakan sebahagian daripada corak hidup responden. Namun begitu, daripada maklumat yang diperolehi, didapati hubungan yang terjalin sebelum itu sama ada

dengan anak, cucu sendiri, saudara mara, kawan karib amat renggang. Tidak ramai yang masih mengadakan hubungan rapat dengan saudara mereka sendiri.. Ini mungkin berkait dengan pesepsi responden sendiri bahawa kemasukan mereka ke dalam rumah orang tua adalah sesuatu yang memalukan dan kemasukan tanpa pengetahuan mereka adalah jalan terbaik untuk mengelakkan diri dari hal yang memalukan ini.

Didapati ramai yang tidak lagi mengadakan hubungan kekeluargaan dengan anak, saudara atau kawan mereka iaitu seramai 13 orang atau 32.5% di Rumah Seri Kenangan. Didapati mereka yang tidak lagi mengadakan hubungan ini senantiasa menghadapi masalah kesunyian kerana kurangnya kasih sayang dan perhatian daripada mereka yang diperlukannya. Kategori hubungan yang dikatakan sederhana rapat pula adalah lawatan sebulan sekali iaitu seramai 14 orang atau 35%. Hubungan kekeluargaan yang masih rapat adalah seramai 5 orang atau 12.5% di mana lawatan seminggu sekali diadakan. Bagi hubungan kekeluargaan yang tidak rapat pula, boleh dikatakan lawatan oleh anak, saudara, kawan adalah untuk sebarang masa atau sekali sekala sahaja seperti masa perayaan . Bilangan ini hanyalah 8 orang atau 20% sahaja

Di Rumah Orang Tua, Hun Nam Siang Tng pula, responden yang putus hubungan kekeluargaan adalah seramai 8 orang iaitu 32% di mana kebanyakannya daripada mereka adalah golongan yang tidak berkahwin. Bilangan ini diikuti oleh mereka yang berhubung secara sederhana rapat iaitu lawatan sebulan sekali adalah seramai 7

orang atau 28% dan 7 orang atau 28% lagi yang tidak rapat hubungan kekeluargaan mereka. Kejadian ini mungkin disebabkan anak bekerja jauh darinya menyebabkan ia tidak dapat meluangkan masa untuk menjenguk ibu atau bapa atau saudaranya di Rumah Orang Tua. Responden yang masih mempunyai jalinan hubungan kekeluargaan yang rapat pula hanyalah seramai 3 orang atau 12% sahaja. Gejala yang tidak sihat dan ketara harus dikenal pasti puncanya dan kemungkinan besar ia berkait rapat dengan latar belakang responden sendiri.

Keterangan ini dapat dijelaskan secara mendalam melalui Jadual 4.11.

Jadual 4.11: Hubungan kekeluargaan responden-responden

| Hubungan kekeluargaan | RSK       |            | ROT, HNST |            |
|-----------------------|-----------|------------|-----------|------------|
|                       | Bil.      | %          | Bil.      | %          |
| Tidak hubung          | 3         | 32.5       | 8         | 32         |
| Sederhana rapat       | 14        | 35         | 7         | 28         |
| rapat                 | 5         | 12.5       | 3         | 12         |
| tidak rapat           | 8         | 20         | 7         | 28         |
| <b>Jumlah</b>         | <b>40</b> | <b>100</b> | <b>25</b> | <b>100</b> |

Selain daripada lawatan oleh anak, saudara, kawan dan sebagainya, didapati responden sendiri juga mengadakan pertalian persaudaraan dan persahabatan di luar Rumah. Kira-kira 15 orang atau 37.5% daripada responden di Rumah Seri Kenangan yang mempunyai daya pergerakan yang baik melawat sahabat atau

saudara mereka di bandar-bandar seperti di bandar raya Kuching dan juga pekan-pekan yang berdekatan. Di Rumah Orang Tua, Hun Nam Siang Tng pula , seramai 8 orang atau 32% yang keluar pada waktu-waktu tertentu atau sekali sekala dalam sebulan untuk melawat sahabat handai atau saudara mara mereka. Didapati orang yang dilawati inilah yang memberi sokongan moral dan emosi bila diperlukan.

Bagi mereka yang pergerakan hanya terhad dalam bilik dan sekitar Rumah, apabila ditanya siapa yang memberikan sokongan moral dan emosi bila diperlukan, didapati selain dari saudara sendiri, orang yang terpenting sekali ialah rakan seRumah. Apabila menemui masalah seperti sakit, rakan seRumahlah yang sanggup menghulurkan bantuan. Gambaran hasil menunjukkan pentingnya peranan anak-anak, saudara atau kawan dalam sokongan sosial untuk wargatua. Sifat penyayang yang wujud di kalangan masyarakat ini perlu diperkuuh dan dikekalkan.

#### **4.14 Faktor-faktor Kemasukan Responden-responden**

Faktor-faktor kamasukan responden ke dalam Rumah Orang Tua sememangnya amat berkait rapat dengan latar belakang responden seperti pendidikan, pekerjaan, hubungan kekeluargaan, didikan agama dan sebagainya. Melalui temuduga yang dibuat, diketahui bahawa pelbagai sebab yang memaksa mereka untuk mengambil jalan terakhir dengan memasuki Rumah Orang Tua. Sebenarnya faktor kemasukan yang berbagai boleh digolongkan ke

dalam satu faktor utama iaitu faktor sosio-ekonomi. terhadap corak hidup dalam Rumah Orang Tua, sikap terhadap kehidupan lalu, usia tua dan masa depan bagi kedua buah Rumah akan dikaji serentak.

Jadual 4.12: Faktor-faktor kemasukan responden-responden

| Faktor-faktor        | kemasukan | RSK        |   | ROT, HNST |            |
|----------------------|-----------|------------|---|-----------|------------|
|                      |           | Bil.       | % | bil.      | %          |
| Tidak berkahwin      | 16        | 40         |   | 9         | 36         |
| Pengabaian oleh anak | 10        | 25         |   | 4         | 16         |
| Sosio-ekonomi        | 7         | 17.5       |   | 6         | 24         |
| Ketiadaan anak       | 3         | 7.5        |   | 1         | 4          |
| Janda                | 2         | 5          |   | 5         | 20         |
| Lain-lain            | 2         | 5          |   | --        | --         |
| <b>Jumlah</b>        | <b>40</b> | <b>100</b> |   | <b>25</b> | <b>100</b> |

Jadual 4.12 menunjukkan faktor-faktor kemasukan responden ke dalam Rumah Orang Tua. Didapati faktor tidak berkahwin merupakan faktor yang utama dalam kedua-buah Rumah. Di Rumah Seri Kenangan, terdapat seramai 16 orang atau 40% dan 9 orang atau 36% daripada responden di Rumah Orang Tua, Hun Nam Siang Tng yang mengatakan faktor inilah yang menyebabkan mereka masuk ke Rumah Orang Tua. Melalui analisa tentang taraf perkahwinan responden tadi, didapati ramai responden yang tidak mendirikan rumah tangga. Malahan golongan ini tidak mementingkan kepentingan keluarga sebaliknya dengan pekerjaan dan pendapatan yang tetap, mereka sanggup berfoya-foya di luar dan mengamalkan tabiat buruk seperti menghisap rokok, minum arak dan sebagainya.

Apabila menjangkau usia tua, mereka kehilangan tempat pergantungan dan akhirnya terpaksa mengambil keputusan untuk mengadu nasib dan menghabiskan sisa-sisa hidup di Rumah Orang Tua. Hanya dengan cara inilah, mereka dapat melalui usia tua mereka tanpa perasaan bimbang dan takut kerana semua kemudahan asas disediakan secara percuma di dalam Rumah Orang Tua. Kes di bawah menunjukkan responden yang tidak berumahtangga pada masa muda telah memasuki Rumah Orang Tua.

"Saya sudah tua dan sakit. Ibu bapa pun dah lama meninggal dunia. Lagipun, kakak, abang semua dah ada rumah tangga sendiri dan saya pun tak hubung dengan mereka lagi. Tak adanya keluarga sendiri untuk mengadu buat saya ambil keputusan untuk masuk ke sini. Keadaan di sini memuaskan juga kerana semua kemudahan asas ada disediakan."

Melalui jadual 4.12, jelas menunjukkan bahawa responden yang diabaikan oleh anak jika tidak kurang bilangannya iaitu sebanyak 25% atau seramai 10 orang di Rumah Seri Kenangan dan 4 orang atau 16% di Rumah Orang Tua, Hun Nam Siang Tng. Kes yang dikaji di bawah menunjukkan kemasukan responden ke dalam Rumah Orang Tua adalah disebabkan oleh faktor pengabaian oleh anak akibat keadaan ekonomi yang terbatas, sibuk dalam pekerjaan menyebabkan kekurangan masa. Lagipun pekerjaan dan pendapatan yang tidak tetap akibat pencapaian akademik yang tidak tinggi menyebabkan mereka juga tidak mampu untuk mengupah orang gaji bagi menjaga ibu atau bapa mereka. Seorang ibu yang digelar Auntie Rose mengatakan bahawa

"Anak lelaki saya yang cuma satu itu senantiasa melancong ke sana sini. Tak ada satu tempat yang tetap untuk didiami. Nak mengupah orang gaji pun jadi masalah kerana tidak mampu.Jadi, lebih baik saya tinggal di sini."

Kes di bawah juga menunjukkan faktor pengabaian oleh anak sendiri yang tidak taat pada seorang bapa kerana menganggapnya membebankan dan sampai hati juga seorang anak yang sanggup membelanjakan wang si bapanya yang tua. Kedaaan ini telah memaksa responden ini memohon untuk masuk dan seterusnya tinggal di dalam Rumah Orang Tua. Hal ini menunjukkan betapa tersisihnya wargatua di dalam masyarakat akibat pembangunan materialistik dan individualistik. Anak-anak tidak lagi menghormati dan menyayangi ibu bapa sendiri sebaliknya hanya bermotifkan pengambilan keuntungan kewangan semata-mata.

"Setelah jual segala harta , saya serahkan wang kepada anak laki saya. Malangnya dia habiskan semua wang . Harapan untuk hidup selesa di hari tua musnah. Dengan hati yang susah, saya mohon masuk ke sini."

Didapati 7 orang atau 17.5% di Rumah Seri Kenangan dan 6 orang atau 24% daripada responden yang memasuki Rumah Orang Tua akibatnya faktor sosio-ekonomi terutamanya dari segi kemiskinan, hubungan kekeluargaan yang tidak baik akibat perselisihan faham, anak bekerja jauh dari rumah, faktor kesihatan dan sebagainya.

Kes di bawah menunjukkan keadaan seorang responden di mana pada muda mudanya, dia malas melakukan pekerjaan dan kalau ada pun hanya sebagai buruh kasar. Ketiadaan wang simpanan dan tiada rumah tangga menyebabkan kehilangan tempat kediaman. Kaki-kaki limalah menjadi tempat tidur mereka.

"Saya dimasukkan ke sini kerana didapati merayau-rayau di kaki lima di pekan, saya malas kerja, duit yang ada digunakan untuk judi minum arak dan merokok. Sekarang dah sesal, tapi apa boleh buat, terpaksa tinggal di sini."

Sebagai mana yang diketahui, setiap yang tua pasti akan ditimpa penyakit dan lambat laun akan menemui ajal. Kemiskinan yang melarat ditambah lagi dengan ketiadaan tempat tinggal yang tetap yakni hanya menyewa bilik merupakan faktor serentak bagi kemasukan ke dalam Rumah Orang Tua. Seorang tua berumur 72 tahun bernama Ah Yee telah ditemubual dan beliau memberitahu bahawa

"Keluarga saya ada di China. Tinggal saya seorang di sini. Dulu, saya jual suratkhabar tapi berhenti kerana ditimpa penyakit lumpuh. Saya lantar di hospital tiga bulan. Bila dah balik, tak ada tempat nak pergi kerana bilik juga disewa orang. Jadi, doktor suruh saya datang ke sini.

Faktor ketiadaan anak setelah berumah tangga juga merupakan salah satu faktor yang mendorong responden masuk ke Rumah. Didapati ada 3 orang atau 7.5% dan seorang atau 4% daripada responden yang menghadapi masalah ini. Di Rumah Seri Kenangan,

sepasang suami isteri yang tinggal selama 11 tahun sama-sama mengatakan bahawa:

"Masa muda, kami toreh getah tiap-tiap hari. Dah lama kahwin pun tidak ada anak. Sekarang kami dah tua, makcik yang jaga kami pun tak mampu lagi jaga."

Janda atau wanita yang kematian suami akan berasa sunyi dan hilang tempat pergantungan. Didapati walaupun mereka mempunyai anak perempuan, namun setelah berumah tangga, tidak lagi tinggal bersama ibu sendiri. Didapati ada seramai 2 orang atau 5% dan 5 orang atau 20% daripada responden merupakan janda. Kes di bawah memaparkan keadaan seorang janda bangsa Iban memasuki Rumah Seri Kenangan akibat faktor ini.

"Anak perempuanku ada tiga orang tapi semua dah kahwin. Tak baik duduk dengan mereka. Suamiku dah mati tahun lepas. Rumah sewa juga tak ada lagi. Lebih baik tinggal di Rumah ini"

Faktor-faktor lain yang menyebabkan kemasukan responden ke dalam Rumah Orang Tua juga terdapat di Rumah Seri Kenangan iaitu seramai 2 orang atau 5%. Faktor-faktor ini termasuklah faktor masalah mental, kerelaan hati sendiri dan sebagainya.

#### **4.15 Adaptasi Dan Pandangan Responden Terhadap Corak Hidup Rumah Orang Tua**

Semasa di Rumah Orang Tua, para penghuni terpaksa berhadapan dengan satu suasana baru atau terpaksa menyesuaikan diri dengan satu kondisi yang amat berlainan dengan yang terdahulu. Bagi wargatua yang ada keluarga sendiri tetapi ditempatkan di Rumah Orang Tua, boleh dikatakan ia adalah satu tamparan hebat bagi mereka kerana ia tidak boleh menggantikan keluarga sebagai tempat perlindungan, malahan kasih sayang dari ahli keluarga juga semakin berkurangan. Orang Tua adalah amat Bagi mereka yang putus harapan untuk meneruskan hidup dan tidak memiliki apa-apa, Rumah Orang Tua yang dianggap strategi yang paling sesuai untuk menghabiskan sisa-sisa hidup mereka atau menunggu hari-hari kematian.

Melalui temubual dengan responden-responden, didapati melalui aliran masa, persepsi atau adaptasi ke atas corak hidup dalam Rumah antara amat berlainan. Ini mungkin berkait rapat dengan faktor-faktor kemasukan penghuni. Situasi baru ini boleh dijadikan satu panduan untuk kita kaji apakan pandangan atau persepsi, sikap mereka terhadap organisasi Rumah dan juga corak hidup mereka dalam Rumah Orang Tua.

Ada responden yang begitu memuaskan dengan keadaan di dalam Rumah Orang Tua. Ini boleh ditunjukkan dengan kes di bawah.

"Walaupun hanya satu tahun tinggal di sini tapisaya amat suka padanya, ia adalah '*home sweet home*' . Banyak kemudahan disediakan. Saya kerja di bengkel, dapat pendapatan sendiri."

Adaptasi yang baik adalah disebabkan oleh pelbagai perspektif yang dirasakan baik oleh para responden.

"Tak ada apa yang boleh saya buat kini. Tak ada tempat untuk pergi kerana tak ada keluarga, saudara pun jauh dari kita. Saya anggap rumah ini macam rumah sendiri."

Bila ditanya tentang pandangan tentang organisasi Rumah, seorang tua berbangsa Bidayuh yang diberi nama Pak Mute mengatakan

"Tak ada komen. Aku suka tempat ini. Aku ternak ayam, arnab, buat kerja terapi. Aku dapat duit tambahan. Banyak kemudahan disini. Jadi aku tak payah risau apa-apa."

(catitan:Pak Mute merupakan penghuni yang amat aktif dalam Rumah Seri Kenangan sehingga memenangi hadiah Penghuni Yang Berdisiplin, Rajin dan Berdikari. Sikapnya yang rajin dan berdisiplin ini membolehkannya hidup bergembira dan mendapat kepuasan dalam Rumah.)

Seorang tua bernama Ah Tet juga mempunyai pandangan sendiri terhadap organisasi Rumah. Dia memberitahu bahawa ,

"Kesenangan dicapai bila tinggal di sini kerana saya suka kebebasan. Saya tak dipaksa buat apa-apa. Lagipun, bagi saya usia tua patut orang kata' enjoy' Saya rasa gembira tinggal di sini kerana dapat lakukan apa yang saya mahu."

Ada juga responden yang menganggap Rumah Orang Tua sebagai tempat untuk menghabiskan sisa-sisa hidup dan menantikan ketibaan saat-saat terakhir.

"Tak ada apa yang baik, tak baik, dah tua , bila-bila masa pun boleh pergi. Hidup dah tak ada makna lagi. Saya hanya pandai tidur, makan saja."

Didapati ada juga responden yang berasa 'terpaksa' dan berada dalam situasi yang tidak memuaskan. Bila ditanya adakah berasa gembira tinggal dalam Rumah Orang Tua, seorang responden telah meluahkan perasaannya

"Gembira memang gembira, tak ada keluarga sendiri terpaksa ambil senang dan sabar sajalah, akan terus tinggal di sini, makan perintah."

Ada juga responden yang tidak puas hati langsung dengan sendiri sebagai penghuni Rumah,

"Kalau saya anak, takkan saya tinggal di sini, masuk sini, tak baik dipandang orang."

"Rakan seRumah tak ramai yang boleh ajak cakap, saya mungkin keluar satu hari nanti bila sembuh dari penyakit."

Bila ditanyakan adakah responden-responden akan terus tinggal di dalam Rumah. Hampir 90% daripada responden mengatakan mereka akan terus tinggal di situ memandangkan mereka telah mengambil tekad untuk menghabiskan sisa-sisa hidup

walau apa pun cabaran yang sedang dan bakal dihadapi. 10% daripada mereka masih merasa tidak puas hati dan tidak biasa dengan keadaan dalam Rumah Orang Tua. Ini mungkin disebabkan pergaulan antara penghuni yang tidak rapat, ketidaksesuaian dari segi persekitaran seperti tempat tinggal, makanan dan sebagainya. Mereka mengharapkan satu hari nanti akan keluar dari situ dan balik ke pangkuhan saudara atau keluarga sendiri.

#### **4.16 Sikap Terhadap Kehidupan Lalu**

Antara responden yang ditemubual, didapati 70% daripada mereka mempunyai perasaan menyesal terhadap kehidupan lalu. Mereka tidak puas hati dengan apa yang telah berlaku ke atas mereka dan mengidamkan kehidupan yang lebih baik.

"Masa muda, saya merokok, minum arak, judi, macam-macam saya buat. kini, satu sen tak tinggal, keluarga pun dah tak ada, banyak sesal sekarang."

Sebanyak 20% daripada responden yang menganggap kehidupan lalu adalah takdir yang terpaksa dihadapi.

"Tak ada apa yang boleh saya cakap, memang takdir. Mahu tak mahu, kena terima sajalah."

Ada seramai 10% daripada responden yang menghargai kehidupan lalu mereka.

"Saya puas dengan hidup lalu. Saya ada peluang kerja dengan satu taukeh yang baik hati. Kalau saya tak sakit, tentu saya teruskan kerja."

Didapati ada responden yang menghargai kehidupan kini yakni dalam Rumah daripada kehidupan lalu

"Masa muda, kena kerja kuat. Awal-awal pagi kena bangun. Kini, tak payah kerja, senanglah sikit."

Daripada maklumat yang diperolehi, didapati ramai responden yang tidak puas hati dengan kehidupan lalu. Mereka ingin mengecapi sesuatu yang lebih baik, mempunyai perasaan menyesal dan seolah-oleh kehilangan sesuatu. Ini mungkin bersesuaian dengan sifat dasar manusia yang sentiasa tidak puas dengan apa yang ada dan sering mengharapkan sesuatu yang lebih tinggi nilainya.

#### 4.17 Sikap Terhadap Usia Tua

Daripada jumlah responden yang ada, didapati 75% daripada mereka menganggap usia tua sebagai sesuatu yang tidak berguna . Mereka bersifat pesimis kerana usia tua bagi mereka telah membantutkan banyak kerja yang ingin mereka lakukan. Keadaan bertambah buruk bila mendapati mengalami masalah kesihatan terutamanya kemerosotan dari segi fizikal dan mental.

"Usia tua macam durian yang bakal runtuh, bila dah masak, gugurlah ia. Seperti juga manusia, bila dah tua, bila-bila pun boleh mati 'Tua' maknanya tak guna lagi. Badan tak sihat, mata kabur, kena menyerah kalahlah."

"Tua memang rugi. Banyak kerja tak boleh kita buat. Hanya makan dan tidur saja."

Sikap optimis juga ada pada responden bila membincangkan isu tentang usia tua iaitu kira-kira 20% di mana mereka berpendapat usia tua mesti dilalui dan tidak boleh dielakkan oleh setiap individu.

"Setiap orang kena terima usia tua. Ia tak boleh dielakkan dan tak boleh dipaksa."

Hanya 5% daripada responden yang menganggap usia tua sebagai sesuatu yang positif.

"Dah berpuluhan-puluhan tahun saya buat kerja, kini tiba masanya untuk kita rehat dan dapat apa yang ingin kita dapat."

#### **4.18 Sikap Terhadap Masa Depan Di Kalangan Responden**

Didapati 90% daripada kesemua responden hanya mengambil sikap menerima sahaja apa yang bakal menimpa ke atas mereka di masa depan. Mereka hanya bersifat 'pasrah'. Mereka juga tidak takut pada kematian atau '*gerontophobia*' malah dianggap sebagai realiti hidup sehingga ada di antara responden yang mengharapkan mereka cepat berundur daripada dunia ini atau meninggal dunia kerana bagi mereka masa depan adalah begitu samar-samar sahaja dan tidak lagi membawa makna. Ini mungkin disebabkan oleh perubahan dari segi sosial, fizikal dan fisiologi.

Kematian pasangan hidup, sahabat karib dan saudara menyebabkan mereka terasa sunyi, kehilangan tempat pergantungan.

Walau bagaimanapun, 10% daripada kesemua responden yang mempunyai keyakinan pada diri dengan mengharapkan bahawa satu hari nanti mereka akan sembuh dari penyakit atau kembali ke pangkuhan keluarga atau saudara mara mereka.

#### **4.19 Masalah Responden dan Cara-cara Mengatasinya**

Kemerosotan dari segi fizikal akan mempunyai akibat yang serius dari segi psikologi. Ia boleh mengingatkan seseorang tua bahawa dia sudah tua dan semakin mendekati kematian. Antara masalah yang sering dihadapi adalah masalah kesihatan. Kesihatan memang penting bagi seseorang individu. Boleh dikatakan adalah menjadi lumrah hidup bahawa manusia sama ada usia tua atau muda pasti mengalami kesakitan dari tahap ringan kepada tenat.

Melalui kajian ke atas responden, didapati kesemuanya mengakui bahawa mereka ada mengidapi penyakit sendiri. Yang paling normal adalah sakit badan sehingga kepada yang serius iaitu penyakit lumpur, cancer paru-paru, asma dan sebagainya. Responden-responden berpenyakit tenat terpaksa menanggung penderitaan yang teramat sangat sehingga mengugat pergerakan mereka sama ada di dalam atau di luar Rumah Orang Tua. Perubahan pada biologi khususnya di kalangan wanita iaitu selepas putus haid, ketuaan telah mula melanda. Justeru itu, simptom-simtom ketuaan

mula kelihatan di mana rambut mula beruban, gigi gugur, mata kabur dan pergerakan fizikal yang semakin perlahan.

Untuk mengatasi masalah ini, responden dinasihatkan supaya mendapat rawatan yang lebih kerap. Pihak yang berkuasa haruslah menambahkan rawatan dari sebulan sekali kepada dua minggu sekali dan membekalkan ubat yang secukupnya untuk mereka yang sakit. Begitu juga dengan matron dalam Rumah haruslah memastikan si pesakit memakan ubat mengikut masa yang telah ditetapkan. Bagi mereka yang mengalami sakit tenat dan kemungkinan menemui ajal, adalah patut dihantar ke Hospital Besar secepat mungkin untuk mendapat rawatan susulan.

Dari segi kebersihan Rumah dan bilik, didapati ada juga masalah yang timbul. Melalui pemerhatian, didapati ada penghuni yang kurang berdisiplin seperti meludah dan membuang sampah. Ada juga penghuni yang enggan menguruskan diri seperti enggan mandi, pakaian dan alat-alat kegunaan tidak dibersihkan selalu telah membawa penyakit kepadanya. Bagi mengatasi masalah ini, nasihat dan amaran adalah perlu diberikan kepada penghuni dan pegawai bertugas mestilah membersihkan kawasan Rumah setiap hari. Bagi penghuni yang sakit tenat dan tidak berupaya untuk menguruskan diri , pembantu-pembantu adalah ditugaskan untuk mengambil alih kerja seharian. Suasana yang segar, udara yang nyaman di persekitaran Rumah akan menjadikan Rumah Orang Tua sebagai satu tempat yang sesuai untuk didiami.

Dari segi pemakanan pula, pihak berkuasa juga menghadapi masalah. Begitu juga dengan penghuni, didapati ramai daripada mereka yang terlalu memilih makanan dengan alasan kesilapan dari segi pemakanan akan menganggu kesihatan mereka. Pihak organisasi adalah dinasihatkan supaya membuat satu soal selidik ke atas penghuni dan melaluinya dapat dibuat satu analisa tentang jenis makanan yang paling banyak dipilih dan ini akan membantu dalam penyediaan menu.

Didapati masalah yang sering dihadapi oleh wargatua sama ada di dalam atau luar Rumah Orang Tua adalah masalah kewangan. Dikatakan mereka mengalami masalah kemiskinan yang serius. Ini benar dalam Rumah Orang Tua di mana rata-rata penghuninya adalah miskin. Simpanan wang tidak banyak malahan ada yang tidak ada simpanan. Ini disebabkan keumuran mereka menyebabkan mereka tidak dapat lagi meneruskan pekerjaan terdahulu dan penerimaan wang yang kurang dari anak, saudara atau pun kawan.

Bantuan kewangan sebanyak Rm 10 di Rumah Seri Kenangan dan RM 28 di Rumah Orang Tua, Hun Nam Siang Tng sememangnya tidak cukup untuk perbelanjaan bulanan mereka. Walaupun mereka telah dibekalkan pakaian, tempat tinggal dan makanan secara percuma, namun mereka masih perlukan wang untuk membeli barang keperluan mereka seperti makanan yang diminati, ubat, biskut dan sebagainya. Kajian mendapati mereka

hanya berjimat sekadar yang mampu dan membeli barang mengikut kepentingan tertentu.

Untuk mengatasi masalah kewangan ini, masyarakat awam khususnya mereka yang berada haruslah menderma wang kepada penghuni di Rumah Orang Tua sekali sekala di samping untuk menjaga kebajikan wargatua yang kurang bernasib baik ini. Begitu juga dengan saudara mara, anak, kawan penghuni haruslah melakukan kunjungan yang lebih kerap dan menghulurkan bantuan kewangan kepada penghuni.

Selain daripada itu, masalah interaksi antara penghuni juga timbul di kalangan penghuni di dalam Rumah. Didapati ada yang suka mengumpat. Pergaduhan pernah berlaku sehingga ada yang membawa kepada pertumbukan. Namun, kes-kes ini jarang berlaku dan boleh diatasi dengan memberi nasihat dan kaunseling dan cuba jauhkan antara mereka yang mempunyai perselisihan faham.

Ketidakseimbangan wargatua dari segi psikologi juga merupakan gejala yang wujud di Rumah Orang Tua. Mereka berasa sunyi, bimbang dan sering berbisik sendiri. Ini mungkin disebabkan kurangnya kasih sayang dari anak, kawan, saudara akibat hubungan kekeluargaan dan persahabatan yang amat renggang. Keadaan ini bertambah buruk bila mendapati rakan Serumah juga tidak mempunyai tajuk perbualan yang sama. Akibatnya, mereka mempunyai perasaan pesimis dan tidak lagi menghargai hidup ini.

Mereka merasakan diri mereka tidak lagi bernilai dan berguna kepada keluarga, masyarakat dan negara.

Untuk mengatasi masalah ini, pihak berkuasa haruslah cuba menghubungi sanak saudara penghuni dan menasihatkan mereka supaya melawat ibu, bapa atau saudara mara mereka supaya kerohanian mereka mendapat satu keseimbangan. Selain daripada itu, kaki tangan organisasi bukan saja sibuk dengan kerja pentadbiran semata-mata, malah mereka seharusnya meluangkan masa untuk berbual dengan penghuni dan mengetahui masalah yang dihadapi dan cuba selelsaikannya.

Perasaan optimis harus dipupuk di kalangan mereka bahawa mereka masih lagi berguna dan masih mempunyai daya produktiviti yang tinggi dengan mengalakkan mereka menyertai aktiviti yang disediakan oleh pihak Rumah seperti kerja terapi, senaman ringan, lawatan dan sebagainya untuk menyenangkan hati dan kesihatan badan mereka. Ini dapat merapatkan tali silaturahim di kalangan penghuni dan pergaulan yang baik antara mereka akan membolehkan hari cepat berlalu dan tidak mengalami banyak kebimbangan.

#### **4.20 Rumusan**

Melalui keseluruhan analisis, dapat dibuat satu rumusan bahawa latar belakang sosio-ekonomi responden ada mempunyai kolerasi yang rapat antara satu sama lain. Didapati kelulusan

akademik responden yang rendah, diikuti oleh pekerjaan dan pendapatan yang tidak tetap serta hubungan kekeluargaan yang renggang telah membawa akibat kepada responden iaitu kemasukan mereka ke dalam Rumah Orang Tua.

Didapati ada pelbagai faktor kemasukan termasuk pengabaian oleh anak, tidak berumah tangga, janda, faktor sosio-ekonomi seperti masalah kemiskinan dan sebagainya yang mana pada akhirnya akan mempengaruhi persepsi responden terhadap usia tua, masa depan dan juga corak hidup dalam Rumah. Dari segi kesihatan pula, semua responden mengakui mereka ada mengalami kesakitan sendiri sama ada yang ringan atau tenat. Responden juga menghadapi masalah dari segi kewangan di mana mereka merupakan golongan di bawah garis kemiskinan. Sumber wang mereka adalah bergantung kepada dermaan orang ramai.

Kemerosotan dari segi fizikal dan mental menyebabkan mereka terpaksa menerima kenyataan dan juga pandangan masyarakat bahawa golongan ini telah turun nilainya dan tidak lagi produktif. Inilah sebabnya mereka tidak menaruh tinggi ke atas masa depan yang dianggap begitu samar sekali hingga tidak ada kepercayaan pada diri untuk hidup. Justeru itu, masyarakat penyayang yang diwujudkan di negara ini harus diperkuuh dan dikekalkan supaya masalah wargatua dapat diteliti dan dikaji dan satu cara penyelesaian harus ditemui untuk menyelesaikan masalah wargatua yang semakin runcing ini.

## BAB V

### KESIMPULAN

Pertambahan dalam bilangan wargatua di sesebuah negara memang merupakan satu fenomena yang baik kerana ia menunjukkan kemajuan masyarakat dari segi peningkatan dalam perkhidmatan penjagaan kesihatan dan taraf hidup seseorang. Justeru itu, jangka hayat lelaki dan wanita juga turut bertambah. Walau bagaimanapun, di sebalik pembangunan juga menjanjikan kelemahan kerana timbul pula masalah wargatua yang mana telah wujud di setiap negara di dunia. Ini adalah kerana bukan semua wargatua yang bahagia yang dapat tinggal bersama anak, cucu dan saudara mara. Ramai pula wargatua yang daif dan tidak ada sanak saudara diabaikan secara bersendirian di kampung atau dengan mudah saja ditempatkan di Rumah Kebajikan sama ada milik kerajaan, swasta atau pun pertubuhan sukarela.

Mengikut tradisi khususnya orang Asia, wargatua dipandang berkedudukan tinggi, berpengalaman banyak, mempunyai hak dalam keluarga dan dihormati oleh masyarakat. Kini, nilai masyarakat berubah, kedudukan wargatua semakin rendah, dipandang lemah, ketinggalan zaman, degil. Keadaan bertambah teruk apabila terdapat perubahan dari segi struktur keluarga dari keluarga luas kepada keluarga nuklear yang diakibatkan oleh industrialisasi, kemajuan teknologi, urbanisasi dan modenisasi. Implikasinya ialah stereotaip dan layanan tidak adil

terhadap wargatua wujud dan akhirnya mereka yang bernasib malang telah tersisih oleh masyarakat. Kesisihan wargatua telah ditunjukkan melalui penubuhan pusat perlindungan atau Rumah Orang Tua yang semakin meningkat di seluruh negara.

Melalui kajian yang telah dijalankan, didapati 40% dan 36% daripada responden masing-masing di Rumah Seri Kenangan dan Rumah Orang Tua, Hun Nam Siang Tng masuk ke Rumah akibat faktor tidak berkahwin atau tidak berumah tangga. Fenomena ini menyedarkan kepada kita bahawa tanggungjawab terhadap kehidupan sendiri semasa usia muda adalah amat penting. Seseorang tidak boleh menuduh orang lain atas apa yang telah berlaku.

Didapati ramai daripada mereka yang tidak berkahwin adalah tidak pintar menguruskan diri pada usia muda. Mereka lebih mengejar keseronokan dan kepuasan diri untuk jangka pendek daripada jangka panjang. Mereka juga merupakan golongan yang tidak berkemahiran dari segi perancangan hidup seperti kurang pendidikan, melakukan tabiat buruk seperti merokok, meminum minuman keras, berjudi, lebih-lebih lagi pekerjaan dan pendapatan serta perbelanjaan tidak tetap. Hubungan kekeluargaan juga renggang. Akibatnya, bila menjangkau usia tua, keperluan asas iaitu tempat tinggal tidak dapat dimiliki.

Bilangan responden yang masuk ke Rumah akibat faktor pengabaian oleh anak juga tidak kurang bilangannya iaitu 25% dan 16% daripada responden di Rumah Seri Kenangan dan Rumah Orang

Tua, Hun Nam Siang Tng. Ini berlaku akibat perubahan bentuk keluarga. Ketidaktaatan anak-anak, dan juga kerentah wargatua sendiri yang sukar untuk difahami. Mereka diabaikan oleh anak bukan semata-mata disebabkan oleh anak-anak yang tidak taat dan kedegilan seseorang wargatua tetapi lebih merupakan kesan daripada pembangunan yang sering memaksa seseorang individu untuk mengejar dunia materialistik dan individualistik. Wargatua tidak lagi dipentingkan kerana mereka lebih merupakan pengguna daripada pengeluar yang produktif dan dianggap sebagai beban ekonomi. Justeru itu, selain faktor personaliti, faktor persekitaran juga memainkan peranan penting yang menyebabkan wujudnya masalah wargatua ini.

Untuk menjamin kebajikan sosial wargatua, Rumah Orang Tua sebagai satu institusi kebajikan sosial yang dicipta oleh prosedur masyarakat yang tersusun untuk memenuhi keperluan wargatua telah ditubuhkan di seluruh negara. Penghuni-penghuni dibekalkan tempat tinggal, makanan dan segala keperluan asas secara percuma. Bantuan dan perkhidmatan juga diberi oleh pegawai dan pembantu yang dibayar gaji.

Walau bagaimanapun, bagi kebanyakan wargatua yang menetap di Rumah, institusi ini bukan satu institusi yang dapat menjamin kebajikan mereka sepenuhnya. Ini adalah kerana keperluan fizikal, mental, emosi, kesihatan dan bantuan kebajikan sosio-ekonomi bagi wargatua sendiri dan perhatian dari masyarakat awam masih pada tahap yang tidak memuaskan. Justeru itu, mereka

sering bersikap pesimis terhadap kehidupan mereka dan berasa terasing dan sunyi kerana masih kekurangan kasih sayang bukan saja dari ahli keluarga bagi mereka yang berkeluarga dan juga sanak saudara dan sahabat handai khususnya bagi mereka yang tidak mendirikan rumah tangga.

Melalui kajian yang telah dibuat, didapati 80% daripada kesemua responden berpendapat bahawa perpindahan masuk ke Rumah dengan perasaan ketakutan, perseteruan dan memalukan. Malah ia dianggap sebagai perangkap maut atau cuma untuk menghabiskan sisa-sisa hidup mereka yang tidak lagi bermakna. Ini menimbulkan masalah ketidakstabilan emosi, berperasaan terasing daripada dunia luar, kesunyian, putus harapan. Ini khususnya dirasai oleh mereka yang telah putus hubungan kekeluargaan atau persahabatan dan mengalami kesakitan yang amat serius.

Untuk menjaga dan melindungi wargatua, pelbagai dasar dan program harus dilaksanakan. Malaysia sehingga hari ini walaupun tidak secara spesifik menggariskan dasar terhadap populasi wargatua, namun ada sebilangan dasar pentadbiran dan ukuran tertentu berkenaan dengan mereka yang telah berusia. Ia meliputi Skim Pencen, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Pembantu Kebajikan, Pusat Perkhidmatan Wargatua, penjagaan kesihatan, pengangkutan, perumahan dan sebagainya. Penubuhan Rumah Orang Tua adalah untuk melaksanakan kebajikan sosial dan dasar sosial ke atas wargatua dengan tujuan mempertingkatkan kualiti kehidupan mereka, mengusahakan perkembangan kecekapan dan

memberangsangkan latihan yang bertanggungjawab meluaskan jarak dan kesan bagi peluang pilihan individu.

Selain daripada kerja terapi yang telah ada diperkenalkan di Rumah Seri Kenangan, program lain seperti kerja sosial yang berusaha untuk memperbaiki institusi sosial bagi memenuhi keperluan manusia harus diperkuatkan. Ia merujuk kepada pekerjaan dan profesion berkenaan dengan memperbaiki hubungan sosial untuk operasi dalam rangkaian program dan aktiviti bagi kebajikan sosial. Secara idealnya, pengetahuan kemahiran dan nilai dalam kerja sosial adalah digunakan untuk membantu individu seperti wargatua mengadaptasikan diri dengan institusi sosial seperti Rumah Orang Tua.

Bagi menjamin kesihatan wargatua dari segi fizikal seperti penyakit kronik, jasmani seperti keseimbangan psikologi, emosi, maka perlu wujud dasar ke arah mengadakan kakitangan perubatan dan kesihatan yang dilatih khas untuk mengendalikan masalah perubatan dan kesihatan yang dihadapi oleh mereka. Perubatan geriatric perlu diberi perhatian langsung dimana semua kakitangan dalam Rumah perlu diberi latihan dalam bidang ini untuk mengendalikan penghuni Rumah atau luar dari Rumah. Pegawai-pegawai, sukarelawan, para pelajar dinasihatkan supaya sentiasa cuba untuk berbual dan memahami masalah mereka dan cuba menyelesaikannya. Satu Lembaga Penasihat perlu diwujudkan untuk mengenal pasti kemudahan bagi wargatua dimana ahli-ahlinya terdiri daripada wakil dari agensi kerajaan, swasta dan pertubuhan sukarela.

Perkhidmatan dan kemudahan penjagaan yang khusus perlu juga dirancang untuk membantu orang yang sakit malarat di Rumah Orang Tua dalam bentuk perubatan, psikologi dan keperluan sosial. Di samping itu, Undang-undang Jagaan 1992 membolehkan Jabatan Kebajikan Masyarakat memastikan perkhidmatan jagaan bermutu. Ia juga memastikan penyediaan, layanan dan latihan diberi kepada penghuni di Pusat Kebajikan Wargatua. Pekerja perlu mendapat latihan khas yang mendalam berkaitan dengan jagaan wargatua. Undang-undang ini menyelaraskan kegiatan di Rumah Kebajikan.

Di samping itu, usaha pihak kerajaan untuk mengalakkan wargatua supaya tinggal dalam komuniti(*community-based*) sama ada di kampung atau bandar dengan memberi bantuan kewangan sebanyak RM 50.00 sebulan adalah amat digalakkan. Selain penjagaan yang diberi oleh ahli keluarga atau komuniti, wargatua boleh mengadakan interaksi sosial dengan orang di sekitarnya. Ini akan mengelakkan kebosanan dan kesunyian. Ia juga akan mengurangkan beban keluarga. Justeru itu, kebajikan utama wargatua digalakkan diletakkan di bawah sokongan keluarga dan masyarakat dan jagaan dalam institusi akan hanya disediakan sebagai pilihan terakhir.

Selain daripada itu, cadangan kerajaan Malaysia untuk meminggikan umur persaraan dari umur 55 tahun kepada 60 tahun adalah satu petanda yang baik. Ia memberi peluang kepada

wargatua yang masih sihat dan produktif untuk bergiat dalam pembangunan ekonomi negara. Mereka akan terus berdikari dan kurangnya perasaan tentang kemerosotan nilai diri individu, sebaliknya dengan adanya keduudukan ekonomi yang stabil, mereka dapat hidup dengan penuh keyakinan dan tidak perlu risau akan perubahan kepada tempat tinggal mereka. Untuk menjayakan cadangan ini kerjasama dari pihak majikan adalah perlu supaya dapat menjaminkan bahawa wargatua yang masih produktif dengan pengalaman dan penghormatan yang diberi akan terus berkhidmat sama ada dalam sektor kerajaan ataupun swasta.

Khidmat sosial yang diberi oleh Persatuan Keagamaan, Kelab-kelab Sosial kepada wargatua dalam Rumah ORang Tua seperti aktiviti gotong-royong, persempahan kebudayaan , majlis makan malam untuk Wargatua adalah semangat yang amat dihargai dan digalakkan. Lebih-lebih lagi dengan penubuhan Rumah Orang Tua oleh badan-badan sukarela seperti Badan Amal Hun Nam Siang Tng telah membantu kerajaan dan masyarakat khususnya dari segi mengatasi masalah tempat tinggal bagi wargatua yang daif dan tidak ada sanak saudara.

Melalui kajian juga, didapati masyarakat Cina adalah golongan yang mencapai peratus tertinggi sebagai penghuni Rumah Orang Tua pada hal mereka jugalah yang sering melaungkan kempen "Menghormati dan Mentaati Wargatua". Kemerosotan nilai dan budaya yang diamalkan dari dahulu kala mengingatkan masyarakat Cina bahawa mereka seharusnya mempraktikkan amalan ini setiap

masa walau apa pun perubahan yang berlaku. Mereka seharusnya mengurangkan perbelanjaan dari segi majlis makan malam, membakar mercun semasa perayaan, berjudi. Sebaliknya mereka boleh menjimatkan wang tersebut dengan melakukan lebih banyak kerja amal seperti menderma wang dan material, menghantar pekerja sosial ke Rumah Orang Tua. Aktiviti ini amat bermakna bukan untuk kebajikan wargatua semata-mata tetapi untuk kebajikan seluruh masyarakat manusia.

Suatu kesimpulan yang penting di sini ialah untuk meneliti isu wargatua dan institusi Rumah Orang Tua dewasa ini, maka kajian dan penyelidikan tentangnya perlu dititikberatkan. Walaupun kajian ini hanya merupakan satu projek penyelidikan sahaja tetapi diharapkan lebih banyak kajian yang lebih terperinci akan dilakukan pada masa akan datang. Ini bertujuan untuk memahami masalah wargatua khususnya masalah kemiskinan, kesihatan dan masalah pentadbiran Rumah. Melalui kajian juga dapat memperolehi maklumat yang lengkap untuk menggubal dasar bagi wargatua supaya dapat bertindak dengan lebih signifikan pada masa kini dan depan.

## NOTA KAKI

- 1 Lihat *Rancangan Malaysia Keenam 1991-1995*, National Printing Development, Kuala Lumpur, 1991 halaman 371.
- 2 Lihat *Berita Harian*, 2hb Oktober 1992 dalam artikel "Menghargai Pengorbanan Wargatua" oleh Ahmad Ghazali Musa.
- 3 Suatu lampiran soalselidik yang digunakan dalam kajian ini telah dilampirkan.
- 4 Istilah ketuaan dalam Kamus Dewan untuk mewakili merujuk kepada '*sudah terlalu tua*' atau '*perihal tua*'.
- 5 Lihat Abu Bakar Bin Wahid, "Orang tua di Institusi dan Penerimaan Bantuan Kebajikan Masyarakat," halaman 3.
- 6 Senarai perkhidmatan yang sedia ada dan cadangan dasar untuk wargatua sehingga kini telah diperolehi daripada Seminar Kebangsaan Wargatua "Cabaran Wargatua ke Arah Wawasan 2020" dalam kertas kerja Kaedah penggubalan Dasar Kebangsaan mengenai wargatua oleh Yang berbahagia Dato Johari Mat pada 1hb Dcember 1992 di Dewan Tun Hussein Onn(A) Pusat Dagangan Dunia Putera, Kuala Lumpur.
- 7 Lihat Betsy Cebetter Hancock, ACSW , "*Social work with older people*", 2nd Edition, Prentice Hall, New Jersey 1990, halaman 157 .
- 8 Bengkel Seri Sarawak disediakan oleh pihak Bahagian Kebajikan, Kementerian Pembangunan Sosial yang menyediakan peluang pekerjaan kepada mereka yang tidak berupaya atau cacat. Namun begitu, disebabkan perkhidmatan ini diadakan dalam Rumah Seri Kenangan,maka penghuninya juga digalakkan untuk menyertai kerja terutama membuat sampul surat yang beraneka jenis.
- 9 Nama saintifik bagi jenis penyakit diperolehi daripada Rekod Kesihatan Peribadi Penghuni di tempat kajian.

## BIBLIOGRAFI

### BUKU

- Crandall, R. C.  
1991      *Gerontology, A behavioural Science Approach.*  
              Second Edition, McGraw, Hill Inc.
- Decker L. D.  
1980      *Social Gerontology, An Introduction to the Dynamics of Aging,* Little, Brown & Company.
- DiNitto, D. M.  
1991      *Social Welfare, Politics and Public Policy,* Third Edition,  
              Prentice Hall.
- Friedlande, W.A and Alpe, R. Z.  
1974      *Introduction to Social welfare,* Fourth Edition, Prentice  
              Hall, Inc, Englewood Cliffs, New Jersey
- Hancode, B. C.  
1990      *Social Work with Older People,* Prentice Hall, New  
              Jersey.
- Hendricks, J. and Hendricks, C. D.  
1977      *Aging in Mass Society, Myths and Society,* Winthrop  
              Publishers, Inc Cambridge, Massa chusetts, USA.
- Konblum, William.  
1988      *Sociology in a Changing World,* Holt, Rinehart and  
              Winston, Inc. New York.
- Mohd Sheffie Abu Bakar.  
1987      *Metodologi Penyelidikan,* Penerbit Universiti  
              Kebangsaan Malaysia, Bangi, Kuala Lumpur.
- Morales, A.  
1980      *Social Work, A Profession of Many Faces,* Second  
              Edition, Allyn & Bacon Inc, Boston.
- Peterson, C.  
1989      *Looking Forward through the Life Span Development Psychology,* Second Edition, Prentice Hall, New York

- Reichard, S., Livsin, F. and Peterson, P. G.  
1962      *Aging and Personality: A Study of Eighty Seven Older Men*, John Wiley & Son, Inc; New York.
- Riley, W. M., Riley, J.W and Johnson, M. E.  
1969      *Aging and Society, Volume Two: Aging and the Profession*, Russell Sage Foundation, New York.
- Romanshyn, J. M.  
1971      *Social Welfare: Charity to Justice*, Random House, New York.
- Shankar Pathak.  
1981      *Social Welfare: An Evolutionary and Developmental Perspective*, Macmillan India Limited, India.
- Saul, S.  
1974      *An Album of People Growing Old*, John Wiley & Sons Inc. New York.
- Sills, D. L.  
1968      *International Encyclopedia of the Social Science*, The Macmillan Company and The Free Press, Vol. 1.
- Sixth Malaysia Plan 1991-1995*, National Printing Development, Kuala Lumpur.
- Tibbits, C.  
1969      *Handbook of Social Gerontology, Societal Aspects of Aging*, The University of Chicago Press, Chicago and London.
- Wan Azmi Ramli.  
1982      *Dasar Sosial di Malaysia*, Sarjana Enterprise, Kuala Lumpur.
- Wan Hashim, Ting Chew Peh dan Shamsul Amri Baharuddin.  
1980      *Kaedah Penyelidikan Sosial, Suatu Rampaian Esei Masalah Kajian Luar*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

## LATIHAN ILMIAH

- Abu Bakar bin Hamid dan Normah Bte Pali.  
1986      Orang Tua di Institusi dan Penerimaan Bantuan  
                Kebajikan Masyarakat, Aged Malaysia, Social Welfare  
                Malaysia.

## Chee Siew Lan

- 1985      Rumah-rumah Orang Tua, Satu Kajian Kes, Jabatan  
                Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya.

## MAJALAH DAN BENGKEL

- Ann Wan Seng.  
1993      *Imbauan Silam dan Debaran Masa Depan, Akademik,*  
                April.

## Azizan Bahari.

- 1993      Kerja Sukarela, Kurang Mendapat Sambutan, *Dewan  
Bahasa dan Pustaka*, Mac.

Bengkel Dasar Sosial Sarawak, "Menghadapi Abad 21: Masa  
Depan Dasar Sosial Sarawak, 19hb dan 20 hb April  
Anjuran Majlis Pembangunan Sosial, Kementerian  
Pembangunan Sosial Sarawak dengan kerjasama  
Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti  
Malaya.

Bengkel Mengenai Jagaan Wargatua, Anjuran Usiamas (3hb-  
5hb Ogos, 1992) di Santubong Inn, Kuching, Sarawak.

Darrach, Brad 'The War On Aging', dalam *Life, Time and Life  
Building*, Rockefeller Centre, New York, Oktober 1992.

*Sarawak Hun Nam Siang Tng, 30th Anniversary and Home for  
the Aged*, Silver Jubilee Sourvenir Magazine, 1956-  
1986.

## SURATKHABAR

Annie Freeda Cruez, 'Care for Old Folk, Napsiah Urges young  
Generation', *New Straits Times*, 14hb Januari 1992.

Berita Harian, 'Akta Baru Jamin Nasib Orang Tua', *Berita Harian*,  
15hb November 1992.

Lee Lam Thyn, 'Wargatua Dilayan secara Tidak Adil', *Utusan  
Malaysia*, 28hb Oktober 1992.

Nurul Afida Kamaludin, ' Semakin Ramai Wargatua di Malaysia  
Diabaikan', *Utusan Malaysia* ,30hb September 1992.

Siti Hatija Yusof, 'Dasar Kebangsaan Bantu Wargatua Perlu  
Digubal', *Utusan Malaysia* ,6hb Oktober 1992.